



Hujung Minggu

بروڈنی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 5.00

SUBUH 5.10 | SYURUK 6.32 | DUHA 6.56 | ZUHUR 12.29 | ASAR 3.51 | MAGHRIB 6.24 | ISYAK 7.38

Daerah Belait ditambah 3 minit  
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 5

11 JANUARI 2025 / 1446

رجب 11

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

مانيسن ايمان

"OLEH itu, ingatlah kamu kepada-Ku (Allah) nescaya Aku (Allah) ingat pula kepadamu dan bersyukur kepada-Ku (Allah) dan janganlah kamu mengingkari nikmat-Ku (Allah)".  
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 152.

## PERUTUSAN TAKZIAH KEPADA REPUBLIK RAKYAT CHINA

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 8 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan takziah kepada Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping dan Premier of the State Council Republik Rakyat China,

Tuan Yang Terutama Li Qiang, kerajaan dan rakyat Republik Rakyat China berikutan dengan gempa bumi yang melanda di Dingri County, Wilayah Autonomi Xizang (Tibet), Republik Rakyat China baru-baru ini.

## Lawatan Kerja ke Sekolah Ugama Tumpuan Telisai

Oleh : Pg. Siti Redzaimi  
Pg. Haji Ahmad

Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**TUTONG**, Rabu, 8 Januari. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman meneruskan lagi

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama meneruskan lagi Sesi Lawatan Kerja ke Sekolah Ugama Tumpuan Telisai.

Sesi Lawatan Kerja ke Sekolah Ugama Tumpuan Telisai.

Lawatan adalah bersempena permulaan Sesi Persekolahan Ugama Penggal Pertama bagi Tahun 2025.

Turut hadir dalam lawatan berkenaan, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) Kementerian Hal Ehwal

Ugama (KHEU), Awang Haji Shamshol bin Haji Omar.

Mengalu-alukan ketibaan rombongan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama ialah Guru Besar Sekolah Ugama Tumpuan Telisai, Dayang Nur 'Aleemah binti Haji Gapor.

>> Muka 3



## JUH akan memperkenalkan pendaftaran haji secara dalam talian

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah  
Haji Awang Sulaiman

**BERAKAS**, Rabu, 8 Januari. - Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim menyambut baik usaha Jabatan Urusan Haji (JUH) dalam menaik taraf pengurusan pendaftaran haji yang baharu melalui pelaksanaan sistem pendaftaran haji secara dalam talian (*online*), iaitu bagi menggantikan pendaftaran haji secara manual yang dibuat sebelum ini.

"Saya difahamkan bahawa sistem pendaftaran secara *online* ini sekarang berada di dalam proses pembangunan fasa akhir yang memerlukan penelitian rapi dan kerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan agar sistem yang direka bentuk ini dapat dilaksanakan dengan teratur dan berkesan."

"Sistem ini diharasarkan untuk mempercepatkan dan mempermudahkan proses pendaftaran, menjadikannya lebih efisien, teratur dan mesra pengguna," jelas Awang Haji Mohammad Rosli semasa berucap selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Muzakarah Haji Kali Ke-32 Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masih bertempat di Dewan Multaqa, Aras Bawah, Bangunan Tambahan, KHEU.

>> Muka 6

## 115 pelajar terima sumbangan bantuan persekolahan

Oleh : Khartini Hamir

**JERUDONG**, Khamis, 9 Januari. - Seramai 115 pelajar menerima bantuan persekolahan daripada Kumpulan Isteri-isteri Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-ahli Bersekutu.

Majlis yang berlangsung di Dewan Kompleks Sukan Jerudong berkenaan dihadiri oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad selaku tetamu kehormat majlis.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha yang dipimpin oleh

Pekerja Pembangunan Masyarakat, Awang Abdul Ghani bin Murni.

Seterusnya, ucapan alu-aluan daripada Pengurus Majlis, Datin Hajah Dayang Nahriah binti Haji Awang Asbi daripada Kumpulan Isteri-isteri Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-ahli Bersekutu yang antara lain berharap sumbangan derma berkenaan dapat memberi motivasi kepada pelajar agar mereka lebih bersemangat dan berusaha lebih gigih.

>> Muka 3



## Berita Utama



TINGKATKAN kualiti,  
profesionalisme perkhidmatan  
Pemandu Pelancong

Muka 7



264 pelajar baharu PB mengikuti  
Minggu Orientasi

Muka 9



MEMPERKASA keupayaan  
perniagaan tempatan

Muka 20



PERKEMBANGAN sukan  
'pickleball' positif,  
memberangsangkan

Muka 23



**MENTERI** di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah berucap pada Majlis Penandatanganan Perjanjian Usaha Sama antara Dana Modal Pembangunan Strategik, Bahagian Pelaburan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan Rotary Engineering Pte. Ltd. di Indera Samudra Grand Hall, The Empire Brunei pada Selasa, 7 Januari 2025.

Bismillahir Rahmanir Rahim  
Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen  
Wassalatu Wassalamu 'Ala Asyrafil  
Anbiyaie Mursalin  
Saidina Muhammaddin Wa'al  
Alihi Wasahbihi Ajma'iin

**P**ERTAMA sekali, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Rotary Engineering Pte. Ltd. (Rotary) kerana

# Membangun masa depan berdaya tahan untuk negara

menjemput saya sebagai tetamu kehormat untuk menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian Usaha Sama antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Brunei Darussalam melalui Dana Modal Pembangunan Strategik dan Rotary untuk penubuhan Brunei Rotary. Perkongsian ini menjanjikan bukan sahaja membawa kepakaran kejuruteraan dan penyelenggaraan bertaraf dunia kepada negara tetapi juga sumbangan yang berpotensi besar kepada ekonomi kita.

Dasar objektif Dana Modal Pembangunan Strategik adalah untuk memacu pertumbuhan ekonomi yang mampu dan memberi kesan melalui pelaburan dengan rakan kongsi Pelaburan Langsung Asing strategik yang berkongsi aspirasi yang sama ke arah mencipta nilai jangka panjang untuk negara. Selama bertahun-tahun, dana tersebut telah membuat beberapa pelaburan bertujuan untuk membangunkan masa depan yang berdaya tahan untuk Negara Brunei Darussalam (NBD) dan hari ini, kami telah menambah rakan kongsi baharu untuk menyokong inisiatif kami dengan penubuhan Brunei Rotary.

Reputasi Rotary sebagai peneraju dalam Kejuruteraan, Perolehan dan Pembinaan (EPC) dan penyelenggaraan telah mantap di peringkat global. Syarikat itu membawa banyak kepakaran dan pengalaman dengan lebih 6,000 pekerja di seluruh dunia dan memainkan peranan penting dalam

membangunkan Kawasan Perindustrian Jurong di Singapura. Hari ini, Rotary terus menjadi penyedia perkhidmatan kejuruteraan yang terkemuka dan boleh dipercayai kepada syarikat antarabangsa dalam pelbagai bidang.

Rekod prestasi Rotary yang cemerlang dalam menyampaikan projek yang berjaya merentasi pelbagai wilayah dan komitmen mereka terhadap keselamatan dan kualiti menjadikan mereka rakan kongsi yang ideal untuk kami, bukan sahaja dalam misi kami untuk memupuk kemajuan ekonomi dan meningkatkan industri tempatan tetapi juga untuk membangunkan keupayaan kejuruteraan tempatan Brunei.

Penandatanganan hari ini menandakan permulaan usaha niaga menarik yang akan membawa perkhidmatan kejuruteraan dan penyelenggaraan termaju kepada syarikat tempatan dan serantau, dengan tumpuan ke arah meningkatkan kecekapan operasi, mengurangkan kos, dan menyampaikan standard perkhidmatan tertinggi melalui amalan terbaik industri yang sudah terbuktii.

Perkongsian ini bertujuan untuk mewujudkan hab kejuruteraan yang mantap di NBD dan menawarkan ilmu serta pemindahan teknologi yang tidak ternilai kepada tenaga kerja tempatan, termasuk menyediakan perkhidmatan khusus latihan di luar negara, memastikan tenaga kerja tempatan dilengkapi dengan kemahiran dan kepakaran yang diperlukan untuk berkembang maju dalam keadaan yang

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh :  
Haji Mirazman Haji Othman

semakin meningkat pasaran global yang kompetitif. Selain itu, dengan bekerjasama dengan penyedia perkhidmatan kejuruteraan tempatan dan institusi pengajian tinggi, kami sedang membuka jalan untuk sinergi yang lebih besar dan pertumbuhan bersama.

Di luar sempadan kita, perkongsian ini menyediakan tempat bagi pengembangan ke pasar serantau dan antarabangsa, dengan itu juga menggalakkan syarikat tempatan dan bakat-bakat kita untuk mencari peluang baharu di luar negara, meluaskan jangkauan dan mencipta nama di peringkat global.

Perjanjian ini juga menekankan komitmen kerajaan yang tidak berbelah bahagi dalam memupuk Pelaburan Langsung Asing yang strategik yang selaras dengan Pelan Tindakan Ekonomi dan menyokong usaha dalam mempelbagaikan ekonomi.

Oleh itu, kami berbangga dapat bekerjasama dengan syarikat terkemuka seperti Rotary Engineering. InsyaAllah, kita sama-sama meletakkan asas untuk masa depan yang sejahtera untuk negara dan syarikat. Saya mengharapkan kejayaan usaha sama ini dan banyak lagi peluang kerjasama pada tahun-tahun akan datang.

Terima kasih.  
Wabillahit Taufik Walhidayah  
Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.

## WAKTU SEMBAHYANG

| JANUARI<br>MASIHI | HARI   | REJAB<br>HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|-------------------|--------|-----------------|-------|-------|--------|------|-------|------|---------|-------|
| 11                | SABTU  | 11              | 5.00  | 5.10  | 6.32   | 6.56 | 12.29 | 3.51 | 6.24    | 7.38  |
| 12                | AHAD   | 12              | 5.00  | 5.10  | 6.33   | 6.57 | 12.30 | 3.51 | 6.24    | 7.38  |
| 13                | ISNIN  | 13              | 5.01  | 5.11  | 6.33   | 6.57 | 12.30 | 3.52 | 6.25    | 7.39  |
| 14                | SELASA | 14              | 5.01  | 5.11  | 6.33   | 6.57 | 12.30 | 3.52 | 6.25    | 7.39  |
| 15                | RABU   | 15              | 5.01  | 5.11  | 6.34   | 6.57 | 12.31 | 3.52 | 6.26    | 7.39  |
| 16                | KHAMIS | 16              | 5.02  | 5.12  | 6.34   | 6.58 | 12.31 | 3.53 | 6.26    | 7.40  |
| 17                | JUMAAT | 17              | 5.02  | 5.12  | 6.34   | 6.58 | 12.31 | 3.53 | 6.26    | 7.40  |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| SABTU  | JUMAAT         | AHAD           |
|--|----------------|----------------|
| Bandar Seri Begawan  |                |                |
| 31<br>24<br>°C   | 30<br>24<br>°C | 31<br>25<br>°C |
| Pekan Bangar   |                |                |
| 31<br>24<br>°C   | 30<br>24<br>°C | 31<br>25<br>°C |
| Pekan Tutong   |                |                |
| 31<br>24<br>°C   | 30<br>24<br>°C | 31<br>25<br>°C |
| Kuala Belait   |                |                |
| 31<br>24<br>°C   | 30<br>24<br>°C | 31<br>25<br>°C |
| WallahuAlam Bissawab   | www.met.gov.bn |                |
| Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi |                |                |

## SIDANG PENGARANG

11 JANUARI 2025

### Hadkan penggunaan telefon dalam kalangan kanak-kanak

**M**ELINDUNGİ kanak-kanak daripada menjadi ketagih dan terlalu bergantung pada telefon pintar mereka merupakan cabaran yang memerlukan pendekatan dari pelbagai aspek yang boleh diuruskan ataupun dikurangkan impaknya dengan strategi dan sokongan proaktif daripada ibu bapa, penjaga dan pihak sekolah.

Apapun pendekatan yang diambil untuk membantu mengurangkan kebergantungan telefon dan menggalakkan tabiat digital dalam kalangan kanak-kanak yang lebih sihat ia bermula dengan tindakan awal daripada kita, iaitu penjaga mereka. Kanak-kanak sering meniru tingkah laku yang mereka lihat dalam kalangan orang dewasa, jadi penting bagi ibu bapa dan penjaga untuk menunjukkan contoh baik dan bertanggungjawab dalam hal penggunaan telefon pintar. Antara pendekatan yang boleh dicuba ialah menetapkan batasan pada penggunaan telefon anak-anak kita dan melatih mereka untuk menggunakan telefon untuk tugas yang produktif, dan kemudian mengajar mereka untuk mempraktikkan keseimbangan antara masa skrin dan aktiviti lain. Sebelum kita mengajar dan melatih mereka, kita sendiri mesti melatih diri dan membiasakan diri untuk mematuhi batasan penggunaan telefon serta mengimbangkan penggunaan telefon dengan aktiviti lain.

Sebagai ibu bapa dan penjaga kita perlu tegas dalam mewujudkan peraturan yang konsisten untuk penggunaan telefon anak-anak. Selain mengawal penggunaan telefon ini juga boleh melahirkan rasa disiplin dalam diri anak-anak juga. Kita boleh menetapkan had masa harian atau mingguan untuk penggunaan masa skrin dan kemudian tidak membenarkan penggunaan telefon pada waktu-waktu tertentu seperti waktu makan bersama keluarga dan waktu hendak masuk tidur. Apabila kita membuat peraturan tidak membenarkan penggunaan waktu telefon semasa waktu makan bersama keluarga, ini akan menggalakkan anak-anak menghargai waktu bersama ibu bapa dan adik-beradik, membiasakan mereka untuk bersosial dengan keluarga dan hormat akan waktu bersama keluarga. Ini setentunya akan membantu menguatkan hubungan keluarga. Menegaskan anak-anak untuk menghentikan penggunaan telefon apabila hendak masuk waktu tidur pada waktu malam ialah untuk memastikan kanak-kanak mendapat tidur yang cukup.

Kita juga boleh menggalakkan aktiviti alternatif untuk membantu kanak-kanak mencari hiburan dan keseronokan cara lain dan lebih sihat. Antara aktiviti alternatif yang boleh diikuti ialah seperti aktiviti sukan, seni atau menggalakkan mereka untuk mempunyai hobi seperti membaca atau bermain mainan berunsur pendidikan yang boleh mengembangkan kemahiran berfikir dan menyelesaikan masalah. Lebih banyak kanak-kanak terlibat dalam aktiviti lain, semakin kurang mereka akan bergantung pada telefon mereka. - Ketua Penyuntingan (Nr)

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doaa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

 pelita.brunei@information.gov.bn |  2382891 / 2383400 Smb. : 217 |  2381004 |  www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جاتن قراغن، جاتن فردان منتری دان چیتقو اوله قرینت قلس سندیرین بحد، نکارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# LAWATAN KERJA KE SEKOLAH UGAMA TUMPUAN TELISAI



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama** memulakan lawatan ke bilik-bilik darjah dan berpeluang berinteraksi terus dengan murid-murid dan guru-guru (atas dan kanan).

>> Muka 1

Rombongan memulakan lawatan ke bilik-bilik darjah di mana Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal

Ugama berpeluang berinteraksi terus dengan murid-murid dan guru-guru.

Atur cara diakhiri dengan Sesi Muzakarah bersama pihak

pentadbiran sekolah.

Lawatan berkenaan merupakan acara tahunan KHEU bagi meninjau pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di persekolahan

ugama, di samping menyaksikan lebih dekat prasarana dan kemudahan di Sekolah Ugama Tumpuan Telisai bagi kesejahteraan warga sekolah yang secara tidak langsung membantu pencapaian

pendidikan ugama yang berkualiti tinggi dan berkesan.

Turut hadir semasa Lawatan Kerja tersebut, pegawai-pegawai kanan dari Jabatan Pengajian Islam, KHEU.

## 115 pelajar terima sumbangan bantuan persekolahan



**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan** hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyerahkan bantuan persekolahan kepada penerima (kiri dan atas). Sementara gambar bawah kiri, antara pelajar yang hadir pada majlis berkenaan.

>> Muka 1

Seiring dengan itu, beliau juga menekankan agar para pelajar dapat menjadi individu yang berguna dan mencapai kejayaan yang cemerlang, bukan sahaja untuk diri sendiri, tetapi juga untuk keluarga dan negara.

Seterusnya, pengurus majlis

juga berharap sumbangan seumpamanya akan dapat memberi inspirasi dan dorongan kepada ahli kumpulan yang lain supaya lebih bersemangat dan bertekad untuk menganjurkan acara yang memberi manfaat pada masa akan datang dengan harapan ia boleh memberi impak yang lebih besar kepada

masyarakat.  
Majlis kemudiannya diteruskan dengan penyampaian bantuan persekolahan oleh tetamu

kehormat majlis kepada 115 pelajar yang terpilih, dan sejurus itu diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) Kementerian

Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, dan juga pegawai-pegawai kanan kerajaan.




Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia Sila muat turun



PenggunaBijak



جامعة فرانشلن لكونوري دان ملوكوبتيك  
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
JABATAN HAL EHWAL PESUGANA  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI



# TINJAU PELAKSANAAN PENGAJARAN, PEMBELAJARAN PERSEKOLAHAN UGAMA



**YANG** Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama mengadakan Lawatan Kerja ke Sekolah Ugama Sungai Taring, Lumut, Daerah Belait; dan Sekolah Ugama Sengkarai, Daerah Tutong (kiri sekali dan kiri).

langsung dengan murid-murid dan guru-guru.

Lawatan diakhiri dengan Sesi Muzakarah bersama pihak pentadbiran sekolah.

Lawatan berkenaan adalah acara tahunan KHEU bagi meninjau pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di persekolahan ugama, iaitu Sekolah Ugama Sungai Taring, Lumut, Daerah Belait dan Sekolah Ugama Sengkarai, Daerah Tutong.

Di samping itu, menyaksikan lebih dekat prasarana dan kemudahan sekolah bagi kesejahteraan warga sekolah dan memastikan penyediaannya membantu menyumbang ke arah pencapaian pendidikan ugama yang berkualiti tinggi dan efektif.

Rombongan turut disertai oleh para pegawai kanan dan pegawai dari Jabatan Pengajian Islam, KHEU.

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Suzani Adina Haji Marzuki, Ihsan Jabatan Pengajian Islam

**TUTONG**, Rabu, 8 Januari. - Sempena permulaan Sesi Persekolahan Ugama Penggal Pertama bagi 2025, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin

Pengiran Haji Hassan mengadakan Lawatan Kerja ke Sekolah Ugama Sungai Taring, Lumut, Daerah Belait; dan Sekolah Ugama Sengkarai, Daerah Tutong. Rombongan turut disertai oleh

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim.

Hadir mengalu-alukan ketibaan rombongan di Sekolah Ugama Sungai Taring, Lumut ialah Guru Besar sekolah berkenaan, Awang

Farizal bin Haji Othman.

Manakala mengalu-alukan ketibaan rombongan di Sekolah Ugama Sengkarai, Tutong, ialah Guru Besar sekolah berkenaan, Dayang Hajah Suzanawati binti Haji Mat Kria.

Antara pengisian lawatan kerja Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama ialah lawatan ke bilik-bilik darjah serta berinteraksi secara

## PDI - UNISSA meterai MoU dalam memperkasa syiar Islam



MAJLIS menandatangani Memorandum Persefahaman berkenaan turut disaksikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 8 Januari. - Pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) merupakan salah satu inisiatif Pusat Da'wah Islamiah (PDI) dalam menetapkan rangka kerja untuk kerjasama dan kolaborasi dengan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang berkaitan dengan kemahiran dan kepakaran akademik, kajian, penyelidikan, penterjemahan dan penerbitan khususnya dalam bidang Al-Quran, As-Sunnah, akidah dan dakwah.

Pada dasarnya, PDI dan UNISSA memang tidak asing lagi dan sudah wujud sejak sekian lamanya dalam mengendalikan apa jua program-program keagamaan di negara ini secara berkolaborasi.

Walau bagaimanapun, dengan adanya MoU berkenaan akan mengorak langkah yang lebih jauh ke hadapan untuk meramaikan lagi para Da'e dalam kalangan anak tempatan, sekali gus mempersiapkan kepelbagaian

kemahiran, kepakaran dan keterampilan yang mampu serta mampu berdaya saing dengan para Da'e luar negara.

Perkara berkenaan dijelaskan oleh Pengarah PDI, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh pada Majlis Penandatanganan Memorandum antara PDI dan UNISSA yang berlangsung di Dewan Persidangan, PDI hari ini.

Menurut Awang Haji Abdul Rajid lagi, skop kerjasama yang akan dibina berkenaan sangat luas dan ia merangkumi pelbagai aspek, antaranya perkhidmatan konsultasi, bimbingan dan penyelidikan, khususnya dalam bidang kajian agama seperti Al-Quran, As-Sunnah, akidah dan dakwah.

Selain itu katanya, kajian isu-isu semasa, termasuk gerakan dan ancaman yang menyalahi akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah, demi memastikan kesejahteraan dan kesatuan umat Islam di negara ini terpelihara serta penganjuran program seperti bengkel, kursus,

latihan, seminar dan persidangan untuk memperkasa ilmu dan kemahiran.

"Kolaborasi ini juga mencerminkan komitmen padu PDI dan UNISSA dalam sama-sama memastikan penyebaran ugama Islam dan pemeliharaan ilmu-ilmu Islam yang tulus di negara ini beristikamah dan berkekalan."

"Selain itu, meningkatkan tahap profesionalisme sumber manusia antara kedua-dua agensi dan saya yakin dengan usaha bersama ini, banyak manfaat yang dapat diraih untuk kemajuan umat Islam di negara ini insyaAllah," jelasnya.

Dengan termeterainya MoU berkenaan, Awang Haji Abdul Rajid percaya ia akan menjadi mercu kecemerlangan jabatan atau institusi yang lebih mantap dan memangkin kepada melahirkan modal insan yang berkualiti, dinamik dan berwawasan.

Di samping itu tambahnya, memperkasa penyelidikan dan penerbitan yang dapat menyumbang kepada kemajuan akademik dan keilmuan Islam, selain memupuk perpaduan ummah, melalui usaha bersama

dalam mengawal dan mencegah ancaman ajaran yang menyalahi akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Awang Haji Abdul Rajid selanjutnya berharap semoga objektif MoU yang dilakar dalam dokumen berkenaan akan tercapai dan hubungan silaturahim antara kedua-dua agensi melalui kerjasama berkenaan dan akan terus terjalin dengan eratnya.

Menandatangani bagi pihak PDI ialah Pengarah PDI dan disaksikan oleh Penolong Pengarah PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman. Manakala bagi pihak UNISSA pula ialah Dekan Fakulti Usuluddin, Profesor Dato' Dr. Mohd. Fakhrudin bin Abdul Mukti, dan disaksikan oleh Timbalan Dekan Fakulti Usuluddin, Dr. Haji Ahmad Baha bin Haji Mokhtar.

Majlis menandatangani MoU berkenaan turut disaksikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; dan Rektor UNISSA, Dato Seri Setia Dr. Haji Norfarhan bin Haji Zainal.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah dan Doa Kesukuruan dipimpin oleh Pegawai Perkembangan Ugama, PDI, Awang Muhammad Naqib bin Haji Awang dan kemudiannya diselajurkan dengan tayangan video korporat UNISSA dan PDI.

Adapun objektif MoU berkenaan antaranya ialah untuk meneroka bidang-bidang bersesuaian dan amalan-amalan terbaik bagi mewujudkan hubungan kerjasama dua hala yang menjurus ke arah kecemerlangan perkhidmatan jabatan atau institusi dan sumber tenaga manusia yang dinamik dan unggul.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk mewujudkan usaha berterusan dalam meninggikan dan menyerlahkan syiar Islam dengan memantapkan organisasi jabatan dan memperkasa sumber tenaga kerja bagi menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia semasa Keberangkatan Tidak Berjadual ke PDI, KHEU.



**PENGARAH** Pusat Da'wah Islamiah semasa berucap pada majlis berkenaan.

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Pembukaan Rasmi PDI pada 1 Muharam 1406 bersamaan 16 September 1985, iaitu untuk menjadikan Islam sebagai 'Ugama Yang Utama' di Negara Brunei Darussalam dan seterusnya menjadikan PDI sebuah institusi perkembangan dakwah Islam.

Dan untuk mencapai ke arah tujuan berkenaan, baginda menyarankan untuk diadakan kerjasama dan pertukaran maklumat-maklumat dengan negara-negara Islam yang lain berhubung dengan perkembangan Islam secara teratur dan berkesan.

MoU berkenaan juga bertujuan untuk menjana minda, bertukar-tukar idea, berkongsi maklumat dan percambahan fikiran dalam bidang Al-Quran, As-Sunnah, akidah dan dakwah begitu juga untuk memperkasa dan menampilkan keilmuan lebih ramai sumber tenaga manusia dalam kalangan anak tempatan sejarah dengan merealisasikan dan menjunjung hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia semasa Keberangkatan Tidak Berjadual ke PDI, KHEU.

# 25 PESERTA MARA KE PERINGKAT AKHIR MUSABAQAH MENGHAFAZ AL-QURAN

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 9 Januari. - Seramai 25 peserta daripada 60 peserta, iaitu lima peserta daripada setiap kategori terpilih memasuki Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446 Hijrah yang akan diadakan pada awal Februari 2025 nanti.

Perkara berkenaan diumumkan oleh Setiausaha Bersama Jemaah Hakim, Pengiran Haji Khairul Ikhwan bin Pengiran Haji Alit pada Majlis Pengumuman Keputusan Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1446H yang diadakan petang tadi bertempat di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Musabaqah Menghafaz Al-Quran berkenaan berlangsung selama tiga hari berturut-turut bermula pada Selasa, 7 Januari 2025 lalu hingga hari ini.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha yang dipimpin oleh Imam Tingkat 1, Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkurong, Awang Haji

Manan bin Haji Osman; diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengarah Pusat Pengajaran dan Penyebaran Al-Quran MABIMS, Awang Mohammad Ali Sabri bin Haji Yusof selaku Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1446H.

Menurutnya, pada tahun ini seramai 336 calon mendaftar untuk mengikuti musabaqah pada kali ini dan ia adalah satu peningkatan yang boleh dibanggakan kerana peningkatan berkenaan dari tahun ke tahun semakin ketara dengan penyertaan pada tahun 2020 adalah seramai 284 orang, 2021 seramai 299 orang, manakala pada 2022, iaitu semasa pandemik COVID-19 hanya seramai 187 orang.

Namun tegasnya, pada 2023 penyertaan meningkat semula, iaitu seramai 256 orang dan pada 2024 seramai 309 penyertaan.

"Ini menunjukkan orang-orang kitani menyedari betapa pentingnya Al-Quran dalam

SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama menyampaikan sijil kepada para peserta musabaqah (kanan), manakala gambar bawah kiri, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

kehidupan sehari-hari sebagai teman dan bekalan di Hari Akhirat kelak," ujarnya lagi.

Awang Mohammad Ali Sabri seterusnya menambah, sebanyak lima kategori dipertandingkan, iaitu Kategori 'A', Kategori 'B', Kategori 'C', Kategori 'D' dan Kategori 'E' dengan pengiraan markah adalah dikira dari sudut hafazan, tajwid dan pemahaman bagi setiap peserta.

Acara diteruskan dengan pengumuman keputusan Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1446H oleh Pengerusi Jemaah Hakim.

Para peserta yang berjaya melayakkan diri ke peringkat akhir bagi Kategori 'A' ialah Dayang Nur Sarah Basyirah binti Mohammad Fikri, Dayang Nur Sofiyyah Solehah binti Mohammad Fikri, Dayang Nur Syifa Hasannah binti Mohammad Fikri, Dayang Thara' Wafirah binti Haji Mohammad Sharnizan dan Dayang Alya Sofiyyah binti Abdul Azim.

Manakala bagi Kategori 'B', Dayang Ainaa Zunah Insyirah binti Haji Abdul Manap, Dayang Fifi Azirah binti Mohd. Arifin, Awang Ahmad Dhabit bin Haji Abdul Lamit, Dayang Nur Abidah Bazilah binti Haji Rosmin dan Dayangku Wajihah binti Pengiran Khairul Nazri.

Sementara Kategori 'C', ialah Awang Mohammad Ahmed Maahee bin Haji Samry, Awang Abdul Rasyid bin Haji Mohammad Norazmi, Sheikh Muhammad



Ameer Danish bin Sheikh Haji Muhammad Abdul Al-Amin, Awang Abdul Matin bin Zulnorein, dan Awang Mohammad Fahmi 'Izzuddin bin Mudim Awang Haji Tahmin.

Manakala calon-calon yang layak ke peringkat akhir bagi Kategori 'D', Dayang Ameerah Batrisyia@Sarah Huwaina binti Haji Amir Hisham, Dayang Nur Najibah binti Alias, Dayangku Nurfaiezah binti Pengiran Haji Kamaluddin, Dayang Nur Kamaliah binti Haji Jahari, dan Dayang Siti Hafizah Al-Haziqah binti Ariffin.

Sementara Kategori 'E', Dayangku Nurol Hafizah binti Pengiran Haji Tejudin, Awang Mohamed Shahmie bin Mohamed Shalahudeen, Awang Muhammad Adi Syazani@Muhammad Izz Raziq bin Shahri, Dayangku Nur Fatin Wahidah binti Pengiran Muhd. Sallehin, dan Awangku Muhammad Abdul Qadir bin Pengiran Haji Ibrahim.

Diikuti dengan penyampaian cenderamata dan sijil kepada para peserta musabaqah dan hakim-hakim musabaqah oleh

tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

Terdahulu, Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1446H telah pun selesai menampilkan 12 peserta terakhir bagi Kategori 'A'.

Antara objektif musabaqah berkenaan diadakan adalah untuk menggalakkan umat Islam di negara ini agar berjinak-jinak mencintai Al-Quran melalui hafazan dan menjadikannya sebagai amalan harian.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk menambahkan lagi para huffaz di negara ini, di samping mendapatkan pahala dan ganjaran dari Allah Subhanahu Wata'alaa dan mendorong serta membantu para peserta dan orang ramai untuk memahami maksud yang terkandung dalam Al-Quran antaranya, fakta-fakta surah, nasihat, pengajaran dan hukum-hukum tajwid.



## Menerokai kerjasama tangani jenayah pemerdagangan orang



**JAWATANKUASA KEBANGSAAN ANTI-PEMERDAGANGAN ORANG** menerima kunjungan daripada perwakilan Office to Monitor and Combat Trafficking in Persons (J/TIP), Jabatan Negara, Amerika Syarikat yang berada di Negara Brunei Darussalam untuk Lawatan Kerja selama dua hari.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 9 Januari. - Jawatankuasa Kebangsaan Anti-Pemerdagangan Orang (JKAPO) menerima kunjungan daripada perwakilan Office to Monitor and Combat Trafficking in Persons (J/TIP), Jabatan Negara, Amerika Syarikat (AS) yang berada di Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk Lawatan Kerja selama dua hari iaitu 8 hingga 9 Januari 2025 atas jemputan daripada JKAPO.

Lawatan berkenaan memberi peluang kepada delegasi J/TIP untuk melihat dengan sendiri komitmen dan dedikasi yang ditunjukkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui penguatkuasaan undang-undang dan pelaksanaan dasar-dasar bagi membanteras jenayah Trafficking in Persons (TIP).

Pemangku Setiausaha Tetap

(Sekuriti dan Undang-undang), Jabatan Perdana Menteri, Awang Zulhusam bin Haji Abdul Samad, selaku Pengerusi JKAPO mengalau-alukan delegasi J/TIP yang diketuai oleh Deputy Director of J/TIP, Jonathon Turley; dan Desk Officer for Brunei Darussalam and Muncaster, bersama-sama Duta Besar Istimewa dan Mutlak AS ke NBD, Puan Yang Terutama Caryn R. McClelland.

Mesyuarat turut dihadiri oleh

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perdana Menteri

Ahli-ahli JKAPO yang lain. Pada mesyuarat berkenaan, delegasi J/TIP mengiktiraf usaha-usaha JKAPO khususnya daripada aspek pencegahan, perlindungan dan pendakwaan yang berkaitan dengan jenayah pemerdagangan orang yang melambangkan komitmen mendalam JKAPO ke arah menangani cabaran-cabaran yang kompleks untuk membanteras jenayah pemerdagangan orang secara efektif dan menyeluruh.

Kedua-dua pihak turut berpeluang untuk menerokai kaedah-kaedah dan proses alternatif bagi mengenal pasti mangsa-mangsa TIP dan seterusnya bersetuju untuk meningkatkan usaha-usaha kerjasama bagi menangani jenayah pemerdagangan orang dengan efektif.

Kedua-dua pihak juga membincangkan peluang-peluang kerjasama termasuk melalui pertukaran amalan-amalan terbaik (*best practices*) dan peluang latihan bagi agensi-agensi undang-undang dan penguatkuasaan, kehakiman dan pekerja sosial.

Pada hari pertama lawatan, delegasi J/TIP berpeluang untuk mengadakan perjumpaan dengan

beberapa agensi termasuk Pejabat Peguam Negara, Pasukan Polis Diraja Brunei, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri termasuk Jabatan Buruh dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai dasar-dasar dan mekanisme di NBD untuk menangani jenayah pemerdagangan orang khususnya Prosedur Operasi Tetap Kebangsaan (National Standard Operating Procedure - NaSOP) jenayah pemerdagangan orang.

Sesi-sesi perbincangan berkenaan turut menyentuh mengenai usaha-usaha NBD dari segi pendakwaan, mengenal pasti mangsa-mangsa jenayah pemerdagangan orang dan prosedur operasi tetap berhubung pengambilan pekerja-pekerja asing.

Lawatan berakhir dengan kunjungan ke rumah perlindungan khas bagi mangsa-mangsa atau individu yang disyaki mangsa jenayah pemerdagangan orang yang menunjukkan komitmen negara dalam menyediakan khidmat bantuan untuk menjaga kesejahteraan mangsa-mangsa jenayah pemerdagangan orang.

# JUH AKAN MEMPERKENALKAN PENDAFTARAN HAJI SECARA DALAM TALIAN

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Alishahrin Haji Mumin

>> Muka 1

Langkah berkenaan tambahnya, seiring dengan perkembangan pesat teknologi digital yang semakin mempengaruhi pelbagai aspek kehidupan kita.

Dengan adanya sistem ini ujarnya lagi, diharap ia dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan dan memberikan kemudahan yang lebih baik kepada para jemaah haji, sekali gus memperkuuh pengurusan haji di negara kita.

Terdahulu dalam ucapannya,

Awang Haji Mohammad Rosli menyatakan Muzakarah Haji pada kali ini, yang telah memasuki penganjuran kali ke-32, terus menjadi platform yang berkesan dalam mengongsikan ilmu manasik haji, hikmah, dan kelebihannya.

Selain itu tambahnya, ia juga berperanan memastikan keseragaman dalam penyampaian hukum-hakam berkaitan haji, umrah dan ziarah kepada para bakal jemaah haji.

Berdasarkan asas ini, beliau yakin bahawa JUH akan terus

memperkuuh usaha dalam menyebarluaskan ilmu manasik haji serta memperjelaskan isu-isu semasa yang berkaitan dengan hukum-hakam ibadat haji.

Jabatan berkenaan tambahnya, juga telah menunjukkan komitmen yang amat tinggi dalam memperjelaskan pengurusan haji Negara Brunei Darussalam serta segala kemudahan yang disediakan oleh kerajaan, dan merancang program-program yang berkesan serta penuh manfaat.

Awang Haji Mohammad Rosli seterusnya berharap agar semua peserta muzakarah yang hadir dapat memanfaatkan ilmu yang

SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama semasa berupacara muzakarah berkenaan.

diperoleh untuk memperkuuh dan memperdalam pemahaman mengenai ibadat haji dan umrah di samping menyebarkan ilmu dan maklumat kepada pelajar, bakal jemaah haji, dan masyarakat umum sesuai dengan peranan masing-masing.

Selain itu ujarnya, para peserta yang hadir pada muzakarah berkenaan diharapkan dapat menjadi pelapis guru-guru pengkursus ibadat haji dan umrah pada masa akan datang.



## Komited dalam mempertingkatkan kualiti, mutu pengurusan haji

**BERAKAS**, Rabu, 8 Januari. - Dalam mempersiapkan para peserta dengan pemahaman yang mendalam mengenai falsafah dan penghayatan ibadah haji, Jabatan Urusan Haji (JUH), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Bimbingan Haji dan Umrah mengadakan Muzakarah Haji Kali Ke-32 bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi bertempat di Dewan Multaqa, Aras Bawah, Bangunan Tambahan, KHEU.

Seramai 136 peserta menghadiri muzakarah berkenaan yang terdiri daripada guru-guru pengkursus ibadat haji dan umrah, guru-guru sekolah yang mengajar bab haji dan umrah di bawah Jabatan Pengajian Islam (JPI), tenaga pembimbing saudara baharu (mualaf) dan Da'ie-da'ie Pusat Da'wah Islamiyah (PDI), para pegawai dan imam-imam Jabatan Hal Ehwal Masjid serta para pembimbing ugama dari syarikat pengendali perkhidmatan Pakej Haji dan Umrah, termasuk agensi pelancongan yang menawarkan pakej umrah menggunakan Visa Pelancong Arab Saudi.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Muzakarah Haji berkenaan, Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim yang

kemudiannya menyampaikan ucapan serta sijil-sijil kepada para peserta.

Pengarah Urusan Haji, JUH, KHEU, Awang Haji Abdullah bin Haji Mohamad dalam ucapannya pada majlis penutup berkenaan menekankan, JUH akan terus komited dalam mempertingkatkan kualiti atau mutu pengurusan haji.

Menurutnya, antara usaha yang telah dibuat ialah membangunkan sistem pendaftaran haji di Negara Brunei Darussalam (NBD) secara dalam talian (*online*) melalui kerjasama antara JUH dengan Bahagian Teknologi Maklumat, KHEU.

Langkah berkenaan tambahnya lagi, diambil bagi memudahkan orang ramai mendaftar untuk menunaikan ibadat haji, iaitu boleh dibuat di mana sahaja dan pada bila-bila masa dengan tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan NBD dan Kerajaan Arab Saudi.

"Sistem pendaftaran haji secara dalam talian ini kini telah pun selesai dibina dan dalam fasa penelitian akhir oleh pelbagai pihak yang berkenaan sebelum ia dapat digunakan.

"Disebabkan peralihan pendaftaran haji secara dalam talian tersebut, pendaftaran haji

belum dapat dibuka setakat ini sehingga projek pendaftaran haji secara dalam talian ini siap dilancarkan.

"Sama-sama kita berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala semoga urusan sistem pendaftaran haji secara dalam talian ini berjalan lancar dan seterusnya dapat dilancarkan pada waktu terdekat bagi membolehkan orang ramai membuat pendaftaran haji dengan lebih mudah dan bersistematis," ujarnya.

Awang Haji Abdullah juga turut mengongsikan, setakat ini seramai 23,761 pemohon yang masih berada di dalam senarai menunggu untuk menunaikan ibadat haji, dan berdasarkan perkiraan kuota 1,000, para pemohon dijangka akan menunaikan ibadat haji di antara 2026 hingga 2049 dengan tempoh menunggu sehingga 24 tahun.

Satu pembentangan Kertas Kerja Perdana bertajuk 'Haji Fardu vs Haji Mabru' dibentangkan oleh Pengarah Pusat Ilmu Teras, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Awang Haji Md. Syahiran bin Haji Md. Sofian.

Majlis juga mendengarkan pembentangan Resolusi Muzakarah yang merumuskan cadangan dan tindakan lanjut hasil muzakarah berkenaan yang disampaikan oleh Pemangku Penolong Pengarah Urusan Haji, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali.

Dalam resolusi berkenaan menyatakan bahawa, menurut ijma ulama haji fardu hanya wajib dilakukan sekali sepanjang hayat bagi seorang Muslim yang berkemampuan. Sementara itu, haji mabruk pula merujuk kepada ibadah haji yang diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) menyampaikan sijil kepada peserta (atas), manakala gambar bawah kanan, Pengarah Urusan Haji, Jabatan Urusan Haji, KHEU, Awang Haji Abdullah bin Haji Mohamad dalam ucapannya.

yang hasil pelaksanaannya membawa perubahan positif dalam diri individu.

Haji yang mabruk tidak hanya dicapai melalui pelaksanaan rukun-rukun dan syarat-syarat ibadah yang sahih tetapi turut menuntut pemahaman mendalam akan maqasidnya serta penghayatan nilai-nilainya dalam kehidupan sehari-hari agar ibadah haji berkenaan berjaya mentaribah seseorang menjadi Muslim yang lebih baik, sekali gus melahirkan individu yang mencintai akhirat serta bersikap zuhud terhadap dunia.

Terdahulu pada sesi sebelah pagi, para peserta turut mendengarkan pembentangan kertas-kertas kerja oleh beberapa pegawai dari Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri yang mengupas isu-isu hukum hakam berkaitan manasik haji secara terperinci.

Selain mempersiapkan para peserta dengan pemahaman yang mendalam mengenai falsafah dan penghayatan ibadah haji, muzakarah berkenaan juga bertujuan untuk memperjelaskan



isu-isu hukum yang timbul semasa pelaksanaan manasik haji dan umrah pada Musim Haji 1445H / 2024M yang lalu.

Muzakarah turut memberikan gambaran terkini mengenai keadaan di Tanah Suci termasuk kemudahan di Arafah dan Mina, ekspektasi bakal jemaah serta dasar dan peraturan terkini yang ditetapkan oleh Kerajaan Arab Saudi.

Di samping itu, muzakarah berkenaan juga bertujuan untuk memperkuuh dan memperluas ilmu berkaitan manasik haji serta menjelaskan pengurusan haji NBD dan kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan Arab Saudi.



ANTARA yang hadir pada Majlis Penutup Muzakarah Haji berkenaan.

# TINGKATKAN KUALITI, PROFESIONALISME PERKHIDMATAN PEMANDU PELANCONG



**BERAKAS**, Rabu, 8 Januari. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) mengadakan Majlis Penyampaian Pembentukan Kerja bagi Pemandu Pelancong yang berlangsung di Dewan Setia Pahlawan, bangunan berkenaan, di sini.

Pada majlis berkenaan, dua individu diiktiraf kerana berjaya menjadi Pemandu Pelancong Kanan, sementara 65 individu lagi sebagai Pemandu Pelancong Junior.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian gelaran berkenaan ialah Setiausaha Tetap KSSUP, Dayang Hajah Tutiati binti Haji Abdul Wahab.

Pada tahun 2024, Negara Brunei Darussalam telah

memperkenalkan Kerangka Pemajuan Kerjaya Baharu bagi Pemandu Pelancong untuk meningkatkan kualiti dan profesionalisme perkhidmatan pemanduan pelancong.

Inisiatif ini bertujuan untuk memberikan pengalaman yang lebih baik kepada pengunjung sambil mendorong pembelajaran berterusan dan pertumbuhan dalam industri pelancongan.

Pemandu Pelancong kini boleh memperoleh pensijilan untuk menunjukkan kelayakan dan kemahiran mereka, memastikan

**ANTARA** yang hadir pada Majlis Penyampaian Pembentukan Kerja bagi Pemandu Pelancong yang berlangsung di Dewan Setia Pahlawan, bangunan berkenaan.

**SETIAUSAHA** Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir selaku tetamu kehormat majlis.

standard profesional yang jelas dan latihan yang lebih baik, dengan tujuan meningkatkan pengalaman pelawat termasuk peranan utama mereka untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan pelancong di bawah jagaan mereka sambil memberikan pandangan berharga mengenai destinasi yang mereka lawati.

Kerangka juga memberi tumpuan kepada pembangunan kemahiran penting seperti komunikasi, penceritaan kisah, penyelesaian masalah, dan kebolehan interpersonal, sambil memastikan pemandu mempunyai pemahaman yang kukuh mengenai destinasi tempat mereka bekerja, supaya mereka

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Mohammad Hasif Matzin

boleh memberikan maklumat yang tepat dan relevan kepada pelbagai jenis pelancong.

Ia juga termasuk struktur kursus yang komprehensif untuk menampung pemandu pada pelbagai peringkat kerjaya, bermula dengan Tahap 1 (Kursus Pemandu Pelancong Asas dan Kursus Pemandu Pelancong Khas Asas) dan beransur melalui Tahap 2: Kursus Pemandu Pertengahan, Tahap 3: Kursus Pemandu Lanjutan dan Tahap 4: Kursus Pengajaran / Pengajar, membolehkan latihan dan kepakaran yang lebih tinggi.

Selain daripada struktur latihan am, kursus-kursus khusus juga akan ditawarkan, meliputi pelbagai bidang dalam profesion pemanduan. Ini termasuk Pemanduan Pemerhatian Burung,

Alam dan Hidupan Liar, Budaya dan Warisan, Muzium, Kuliner, Botani, Pencapaian, Arkeologi, Menyelam, Pelancongan Pertanian dan Kursus Pemanduan Pelawat Berkeperluan Khas.

Inisiatif ini tidak hanya bertujuan untuk mencipta laluan kerjaya yang menarik bagi Pemandu Pelancong tetapi juga untuk menghasilkan pekerja yang berkebolehan dan berkelayakan yang akan menyumbang kepada daya saing dan pertumbuhan industri pelancongan.

Jabatan Kemajuan Pelancongan komited untuk menyokong Pemandu Pelancong melalui kerangka baharu ini dan yakin bahawa ia akan membawa kesan positif jangka panjang kepada Pemandu Pelancong dan industri.



## Hayati nilai, pelaksanaan Haji Mabrur



**PENGARAH** Pusat Ilmu Teras, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Awang Haji Md. Syahiran bin Haji Md. Sofian membentangkan Kertas Kerja Perdana.

**BERAKAS**, Khamis, 9 Januari. - Ibadah haji bukan sekadar sebuah perjalanan fizikal tetapi satu proses transformasi rohani yang menyeluruh. Haji yang mabrur tidak hanya dicapai melalui pelaksanaan rukun-rukun dan syarat-syarat ibadah yang sah, tetapi turut menuntut pemahaman mendalam akan maqasidnya serta penghayatan nilai-nilainya dalam

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Alishahrin Haji Mumin

kehidupan seharian.

Demikian antara yang dinyatakan oleh Pengarah Pusat Ilmu Teras, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Awang Haji Md. Syahiran bin Haji Md. Sofian semasa membentangkan Kertas Kerja Perdana bertajuk 'Haji Fardhu vs Haji Mabrur' pada Majlis Penutup Muzakarah Haji Kali Ke-32 Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi berlangsung di Dewan Multaqa, Aras Bawah, Bangunan Tambahan, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), di sini.

"Menurut Ijma' Ulama, Haji Fardhu hanya wajib dilakukan sekali sepanjang hayat bagi seorang Muslim yang berkemampuan. Menurut Kitab Mu'jam al-Ma'ani, perkataan fardu membawa maksud sesuatu yang diwajibkan atau difardukan. Ini membawa maksud ibadah haji yang dilaksanakan oleh seorang Muslim yang baligh, berakal, berkemampuan dan segala perbuatan serta syarat yang telah ditetapkan oleh syarak," ujarnya lagi.

Sementara itu tambahnya, Haji

Mabrur pula merujuk kepada ibadah haji yang diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala yang mana hasil pelaksanaannya membawa perubahan positif dalam diri individu.

Para ulama jelaskan, memberikan pelbagai tafsiran tentang Haji Mabrur, namun kesemuanya bersepakat bahawa ia adalah haji yang disempurnakan dengan pelaksanaan yang sempurna, bebas daripada dosa dan menghasilkan perubahan positif dalam diri seseorang.

"Haji Mabrur menjadikan seseorang lebih taat kepada Allah, bersikap zuhud terhadap dunia, dan mengutamakan kehidupan akhirat. Inilah matlamat tertinggi yang diidamkan oleh setiap Muslim yang menuaikan ibadah haji," ujar Awang Haji Md. Syahiran.

Tambahnya lagi, keistimewaan Haji Mabrur amatlah besar kerana ia bukan sahaja diterima sebagai ibadah yang sah di sisi Allah Subhanahu Wata'ala tetapi juga membawa ganjaran yang paling tinggi iaitu surga.

Antara ciri dan kriteria untuk mendapatkan Haji Mabrur terangnya, termasuk mengawal hawa nafsu; menghindari Fusiq (maksiat); tidak bertengkar atau berbantah-bantahan; melakukan kebaikan; membawa bekal secukupnya; bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan memanfaatkan akal untuk memahami hikmah pensyairatan haji.

Oleh itu, beliau menggesa untuk menjadikan Haji Mabrur sebagai matlamat tertinggi dalam melaksanakan ibadah ini.

Ke arah memastikan keberlangsungan kesan positif haji dalam kehidupan seharian, beliau juga mengongsikan beberapa cadangan iaitu dengan meneruskan Amalan Pasca-Haji iaitu amalan-amalan seperti sembahyang berjemaah, zikir, doa, dan sedekah yang menjadi rutin semasa haji hendaklah diteruskan sebagai sebahagian daripada kehidupan harian.

Selain itu menghayati Nilai Zuhud dan Cinta Akhirat iaitu kesedaran tentang kefanaan dunia yang disemai semasa haji harus mendorong kita untuk lebih

memfokuskan diri kepada perkara-perkara yang kekal abadi di akhirat.

Seterusnya ialah menjadi contoh akhlak terpuji yang mana para hujjah hendaklah menjadi duta Islam dengan menunjukkan akhlak mulia, memelihara hubungan baik dengan sesama manusia dan menjadi penyelesai masalah dalam komuniti.

Di samping itu juga dengan menyemai kesedaran dalam generasi muda, iaitu didik generasi muda tentang kepentingan haji, bukan sekadar sebagai kewajipan tetapi sebagai sebuah ibadah yang mendidik jiwa dan membentuk akhlak.

"Saya ingin mengingatkan bahawa ganjaran surga yang dijanjikan bagi Haji Mabrur adalah bukti kasih sayang Allah kepada hamba-Nya. Oleh itu, marilah kita semua berusaha sebaik mungkin dalam melaksanakan ibadah haji, memahami maqasidnya, dan menjadikannya sebagai titik perubahan ke arah kehidupan yang lebih direndah Allah Subhanahu Wata'ala," jelas Awang Haji Md. Syahiran mengakhiri pembentangannya.

# Progresif Showcase Cyber : Terokai kewujudan teknologi baharu



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa berucap.

**BERAKAS**, Rabu, 8 Januari. - Memasuki 2025, dunia terus bergerak maju dalam pendigitalan dan transformasi di semua sektor industri. Ini juga berlaku di Negara Brunei Darussalam (NBD) dan usaha berterusan daripada pihak-pihak berkepentingan sedang berjalan untuk membina dua projek infrastruktur utama dalam perjalanan pendigitalan negara.

Ini termasuk Hub Pembayaran Digital yang akan menyokong pemindahan pembayaran segera antara pelbagai penyedia pembayaran serta platform Identiti Digital yang menggunakan seni bina blockchain yang akan menyediakan identiti self-sovereign yang selamat serta menyediakan perkhidmatan eKYC.

Melangkah ke hadapan, pasukan di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) memberi tumpuan untuk membangunkan pelan bagi fasa seterusnya dalam pendigitalan

negara kita.

Berucap pada Majlis Pelancaran Progresif Showcase Cyber bertempat di Dewan Munawwarah, Bangunan Setia Point, di sini, Setiausaha Tetap MTIC, Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof seterusnya berkata, dengan memanfaatkan infrastruktur yang telah pun dilaksanakan, fokus kami untuk masa hadapan adalah untuk terus mendorong transformasi praktikal dunia sebenar yang dapat dirasai dan memberi manfaat kepada semua orang di semua sektor, termasuk mobiliti pintar, kehidupan pintar dan alam sekitar pintar.

Ini jelasnya, termasuk penerokaan kewujudan teknologi baharu, terutamanya berkenaan dengan Kecerdasan Buatan (AI) yang telah berkembang dengan pesat sepanjang tahun lalu.

Sebagai daya penggerak baharu dalam transformasi digital hari ini tambahnya lagi, platform dan alat AI mempunyai halangan kemasukan yang rendah dari segi aksesibilitinya yang hanya memerlukan sambungan Internet oleh pengguna akhir.

"Tahap aksesibiliti ini telah mempercepatkan penerimaan AI berbanding dengan teknologi transformasi digital sebelum ini dan tidak diragukan lagi akan menjadi biasa di semua tempat tidak lama lagi," ujarnya.

Ir. Awang Haji Mohammad Nazri juga turut menghargai Progresif atas kepimpinannya dalam mewujudkan platform berkenaan dan komitmennya dalam mendorong inovasi, meningkatkan keselamatan siber dan memberdayakan bakat tempatan.

Beliau seterusnya menyeru agar terus menggunakan

platform-platform sebegini untuk memperkuuh kemampuan digital kita dan menginspirasi inovasi sambil kita terus memastikan persekitaran yang selamat dalam perjalanan transformasi digital yang sedang berjalan.

Terdahulu sebelum itu, Ketua Pegawai Eksekutif Progresif, Dayang Hajah Nurul Haniah binti Haji Jaafar semasa menyampaikan ucapan alu-aluan berkata, ancaman keselamatan siber adalah kebimbangan yang semakin meningkat bagi banyak negara seiring dengan teknologi yang semakin berintegrasi dalam kehidupan harian dan operasi perniagaan.

Di NBD jelasnya, kita telah menyaksikan peningkatan dalam ancaman keselamatan siber. Oleh yang demikian, Progresif dengan kerjasama ST Engineering, bersedia untuk bekerjasama dengan organisasi lain dalam menangani ancaman-ancaman berkenaan dengan menawarkan perkhidmatan Pusat Operasi Keselamatan (Security Operation Center - SOC).

Susulan pengumuman kerjasama mereka dengan ST Engineering pada September yang lalu, Dayang Hajah Nurul Haniah turut mengongsikan bahawa, Progresif akan memainkan peranan lebih aktif dalam menyediakan perkhidmatan SOC untuk pasaran NBD dan bersedia membuka perniagaan.

Beliau seterusnya menjelaskan, menjamin keselamatan rangkaian dan memastikan kelangsungan perniagaan kini lebih penting berbanding sebelum ini dan Progresif akan menjadi pusat dalam agenda negara untuk mempromosi kepentingan

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Azmah Haji Ahad

keselamatan siber dalam landskap digital dan meningkatkan pemahaman serta pelaksanaan langkah-langkah keselamatan siber yang berkesan dalam kalangan organisasi tempatan.

Progresif Enterprise Showcase dilancarkan secara rasmi oleh Setiausaha Tetap MTIC selaku tetamu kehormat majlis dan dihadiri oleh lebih 200 tetamu daripada sektor awam dan swasta.

Pameran antara lain bertujuan untuk memperkenalkan pelbagai penyelesaian perniagaan yang ditawarkan oleh Progresif. Rakan kongsi lain yang hadir termasuk Huawei, Alibaba Cloud, Microsoft, United National Networks Sdn. Bhd. (UNN), ULAP Networks Sdn. Bhd., Netcom, POSX, Folec dan Persatuan Keselamatan Siber Brunei (BCSA).

Sementara itu, Presiden Cyber, ST Engineering, Goh Eng Choon dalam ucapannya berkata, memeterai kerjasama dengan Progresif adalah merupakan satu langkah strategik untuk memperkuuh landskap keselamatan siber NBD.

Amalan keselamatan siber ST Engineering jelasnya, digabungkan dengan pengalaman luas Progresif merentasi pelbagai sektor termasuk telekomunikasi, perbankan dan kerajaan di NBD, akan membolehkan pembangunan perkhidmatan SOC berdasarkan AI.

Perkhidmatan ini katanya lagi, bertujuan untuk melindungi infrastruktur kritikal, memastikan kelangsungan perniagaan dan membuka jalan bagi transformasi digital yang berdaya tahan.



SEBAHAGIAN yang hadir pada Majlis Pelancaran Progresif Showcase Cyber.

## TREND JANGKITAN ILI KEKAL STABIL, KES HMPV MASIH DI TAHAP RENDAH

### Siaran Akbar : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 9 Januari. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai status jangkitan penyakit influenza-like illness (ILI) dan humanmetapneumovirus (hMPV) di Negara Brunei Darussalam (NBD). Kementerian Kesihatan sentiasa memantau jangkitan berkenaan melalui sistem pemantauan yang komprehensif sejak 2009 antaranya, kadar jumlah pesakit yang menghidap penyakit yang serupa dengan influenza atau ILI yang mendapatkan rawatan di pusat-pusat kesihatan di negara ini; dan kadar pesakit yang menghidap jangkitan pernafasan akut yang teruk atau severe acute respiratory infection (SARI) yang dirawat di hospital-hospital kerajaan.

Setakat hari ini, trend jangkitan ILI di negara ini kekal stabil tanpa peningkatan berbanding dengan beberapa bulan kebelakangan ini.

Peningkatan jangkitan ILI pada hujung dan awal tahun adalah fenomena yang dijangka mengikut musim (seasonal), terutama bagi

negara-negara yang sedang mengalami musim sejuk.

Selain itu, Kementerian Kesihatan juga ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa jangkitan virus hMPV bukanlah penyakit yang baharu dan tidak dikategorikan sebagai penyakit yang wajib dilaporkan di bawah Akta Penyakit Berjangkit (Penggal 204) di NBD.

Ia adalah satu jangkitan virus yang boleh merebak melalui titisan respiratori seperti kahak (phlegm), air liur atau nasal discharge yang dikeluarkan apabila orang yang dijangkiti bersin, batuk, bercakap atau bernafas. Selain itu, ia juga boleh merebak melalui sentuhan langsung dengan permukaan yang tercemar.

Virus hMPV biasanya menyebabkan demam ringan dan simptom seperti demam dan selesema kepada individu yang sihat. Walau bagaimanapun, ia boleh menyebabkan jangkitan teruk bagi individu yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak damit, warga emas dan mereka yang mempunyai sistem imun yang lemah.

Di NBD sebanyak 45 kes hMPV dikesan pada 2024, berbanding 88 kes yang dikesan pada 2023. Buat masa ini, tiada rawatan khusus atau vaksin untuk hMPV. Rawatan adalah tertumpu kepada mengurangkan tanda-tanda jangkitan seperti demam, selesema dan batuk.

Sementara itu, orang ramai dinasihatkan untuk mengamalkan langkah-langkah pencegahan berikut, iaitu mengekalkan tahap kebersihan diri yang tinggi, kerap membasuh tangan dengan menggunakan air dan sabun, atau sanitasi tangan (hand sanitizer) terutamanya sebelum mengendalikan makanan, sebelum makan, selepas menggunakan tandas, atau selepas batuk atau bersin; amalkan etika batuk dan bersin yang betul, serta memakai sungup muka (facemask) jika awda mempunyai simptom jangkitan pernafasan terutamanya ketika berada di tempat tertutup atau sesak.

Selain itu, menutup mulut awda dengan tisu apabila batuk atau bersin, dan segera buang tisu berkenaan ke dalam tong sampah; elakkan daripada mendekati orang yang sakit, kurang sihat atau yang

menunjukkan tanda-tanda penyakit seperti demam panas, batuk atau sesak nafas; mendapatkan rawatan perubatan segera sekiranya gejala berterusan atau bertambah teruk; dan sentiasa mengamalkan cara hidup yang sihat.

Kementerian Kesihatan sedang giat memantau keadaan di NBD dan pada masa yang sama bekerjasama rapat dengan pihak berkepentingan di peringkat serantau dan global untuk terus mendapatkan maklumat mengenai perkembangan terkini.

Langkah-langkah juga diambil

**SETAKAT** hari ini, trend jangkitan ILI di negara ini kekal stabil tanpa peningkatan berbanding dengan beberapa bulan kebelakangan ini. Peningkatan jangkitan ILI pada hujung dan awal tahun adalah fenomena yang dijangka mengikut musim (seasonal), terutama bagi negara-negara yang sedang mengalami musim sejuk.

Selain itu, Kementerian Kesihatan juga ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa jangkitan virus hMPV bukanlah penyakit yang baharu dan tidak dikategorikan sebagai penyakit yang wajib dilaporkan di bawah Akta Penyakit Berjangkit (Penggal 204) di NBD.

# 264 PELAJAR BAHARU PB MENGIKUTI MINGGU ORIENTASI



**UCAPAN** alu-aluan Pemangku Pengarah Politeknik Brunei (PB), Pengiran Dr. Saiful Baharin bin Pengiran Haji Duraman (kiri), manakala gambar kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

ke PB untuk meneruskan pembelajaran mereka.

Dengan adanya minggu orientasi ini tambahnya, beliau berharap agar semua pelajar akan dapat mengambil kesempatan untuk mendekati, memahami dan menghayati sistem pengajaran dan pembelajaran serta sistem pentadbiran dan pengurusan yang dijalankan di PB.

Beliau seterusnya menekankan kepentingan pelajar untuk lebih berdikari dan memahami dasar-dasar akademik serta etika belajar yang baik di PB.

Menurutnya, antara perkara-perkara yang sangat ditekankan adalah kehadiran, komitmen dalam pembelajaran, sokongan aktiviti MPP, modul pengayaan, komunikasi dengan penyelaras, dan minda keusahawanan.

"Dengan adanya Majlis Orientasi ini, saya berharap semua pelajar yang hadir pada hari ini akan memanfaatkan peluang istimewa yang diberikan untuk mencapai kecemerlangan dari segi pembelajaran dan pembangunan watak serta ketahanan diri yang kuat untuk melangkah ke arah menjadi sumber tenaga manusia yang berkemahiran tinggi bagi menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi

negara," ujarnya lagi.

Majlis seterusnya diikuti dengan bacaan lafadz ikrar oleh para pelajar baharu Pengambilan Ke-14, Sesi Januari 2025, Tahun Akademik 2024/2025, yang diketuai oleh pelajar Diploma Level 5 in Cloud Networking, Sekolah ICT, PB, Awang Muhammad Ahza Syahmi bin Suhailon.

Tujuan utama Majlis Orientasi berkenaan diadakan adalah untuk memperlihatkan penyertaan serta kerjasama, dan juga ke arah mengeratkan hubungan antara pelajar dan pihak pentadbiran serta kakitangan PB.

Minggu Orientasi pada tahun ini diisikan dengan program-program, taklimat dan aktiviti yang dapat membantu para pelajar untuk mengenali PB dengan lebih mendalam dan memberikan gambaran kehidupan sebagai pelajar institusi tersebut.

Selain itu, ia juga diisi dengan aktiviti-aktiviti yang diharapkan dapat membantu para pelajar menjalani pengajian dan kehidupan yang produktif dan inovatif selama pembelajaran mereka di PB.

Majlis Orientasi berkenaan diselenggarakan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan MPP, PB dengan kerjasama pihak berkenaan dari L3C.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Penolong Pengarah (Korporat, Perancangan dan Perkembangan), Penolong Pengarah (Pengetua), Penolong Pengarah (Akademik), Ahli-ahli Senat, Ahli-ahli Jawatankuasa Penyelenggara, pegawai-pegawai dan kakitangan PB.

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Suzani Adina Haji Marzuki



ANTARA pelajar PB yang baharu menghadiri Minggu Orientasi Pelajar PB Pengambilan Ke-14, Sesi Januari 2025, Tahun Akademik 2024/2025.

**LAMBAK KANAN**, Khamis, 9 Januari. - Seramai 264 pelajar Politeknik Brunei (PB) baharu, yang terdiri daripada 141 pelajar perempuan dan 123 pelajar lelaki menghadiri Minggu Orientasi Pelajar PB Pengambilan Ke-14, Sesi Januari 2025, Tahun Akademik 2024/2025, yang diadakan selama empat hari bermula 7 hingga 10 Januari 2025.

Majlis berkenaan berlangsung di Dewan Serbaguna, Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (L3C), Lambak Kanan, di sini.

Majlis dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan yang diketuai oleh Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) PB, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan Doa Selamat.

Setelah itu, majlis diteruskan lagi dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengarah PB, Pengiran Dr. Saiful Baharin bin Pengiran Haji Duraman selaku tetamu kehormat majlis, yang antara lain mengucapkan tahniah kepada para pelajar yang telah berjaya masuk

## Taklimat Kenegaraan semai semangat patriotisme pelajar

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland  
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 9 Januari. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik mengadakan Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' bertempat di Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, hari ini.

Seramai 156 orang penuntut Tahun 7 menghadiri taklimat yang diadakan di Dewan Serbaguna sekolah berkenaan. Antara tujuan program taklimat ini adalah sebagai salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan untuk menyemai rasa cinta terhadap raja,



KETUA Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris menyampaikan taklimat (atas), manakala gambar atas kiri, antara pelajar yang menerima hadiah. Sementara gambar kanan, para pelajar mendengarkan taklimat.

Menaikkan Bendera' dan berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan untuk meningkatkan lagi kefahaman mereka tentang taklimat yang disampaikan. Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para penuntut yang berjaya menjawab Kuiz Kenegaraan.



# MERANCANG KEWANGAN DENGAN BIJAKSANA

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 10 Rejab 1446H/10 Januari 2025M

**Antara langkah-langkah yang perlu dilaksanakan dalam perancangan kewangan setiap individu Muslim ialah:**

## Memastikan sumber pendapatan yang halal

dan mengelakkan dari segala sumber yang haram.

Seperti: hasil rasuah, riba, judi, curi dan sebagainya

## Peruntukkan sebahagian daripada harta kita untuk membuat kebajikan

bagi menjadikan rezeki yang Allah kurniakan itu berkat.

Lazimkan bersedekah, membantu keluarga yang memerlukan, menyumbang untuk kegiatan agama dan kemasyarakatan dan sebagainya

## Mengawasi perbelanjaan dan mengawalnya dengan baik

- Utamakan keperluan asas sebagai nafkah diri dan keluarga
- Senaraikan kos perbelanjaan yang utama untuk diselesaikan
- Setelah itu, baki dari perbelanjaan tersebut barulah digunakan untuk perkara lain



## Peruntukkan sebahagian daripada wang yang diperolehi sebagai simpanan

Elakkan diri kita dari sikap meminta-minta dan menagih simpati orang lain di waktu terdesak

Di samping itu, janganlah pula kita melupakan tanggungjawab kita terhadap harta yang dikurniakan Allah SWT kepada kita iaitu kewajipan mengeluarkan zakat.



## Merancang kewangan dengan bijaksana



**B**ERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan harta dan wang ringgit kepada manusia untuk keperluan dan kesejahteraan hidup. Harta juga adalah anugerah Allah Subhanahu Wata'ala kepada hamba-hamba-Nya untuk menguji sejauh mana keimanan dan ketakwaan mereka dalam menguruskan kurniaan ini.

Sesungguhnya harta dan wang ringgit yang kita miliki adalah amanah dan tanggungjawab yang perlu diurus, dirancang dan dibelanjakan

menurut panduan syariat bagi menjamin kesejahteraan hidup kita di dunia dan kebahagiaan di akhirat. Setiap wang ringgit yang kita peroleh dan belanjakan pasti akan ditanya di akhirat kelak. Daripada Abu Barzah Al-Aslami Radiallahu Anhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya** : "Tidak akan berganjak kedua-dua kaki seorang hamba pada Hari Kiamat sehingga dia ditanya tentang umurnya pada urusan apa dihabiskan, tentang ilmunya apakah telah diamalkan, tentang hartanya dari mana diperoleh dan ke mana dibelanjakan dan tentang tubuh badannya pada perkara apa digunakan". (Hadis Riwayat Imam Termizi).

Berdasarkan hadis tersebut, jelas bahawa setiap harta dan wang ringgit kita akan dipersoalkan kerana ia adalah amanah milik Allah Subhanahu Wata'ala yang dipinjamkan kepada kita. Oleh sebab itu kita perlu memastikan wang ringgit yang kita miliki diurus dengan tepat dan teratur.

Antara langkah yang perlu dilaksanakan dalam perancangan kewangan setiap individu Muslim ialah :

**Pertama** : Memastikan sumber pendapatan yang halal dan mengelakkan daripada segala sumber yang haram seperti hasil rasuah, riba, judi, curi dan sebagainya. Langkah ini adalah amat penting untuk memastikan keberkatan hidup. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nahl, ayat 114 :

**Tafsirnya** : "Maka makanlah yang halal lagi baik daripada rezeki yang Allah telah kurniakan kepada kamu (wahai orang-orang yang beriman) dan syukurilah nikmat Allah itu jika benar kamu hanya beribadah kepada-Nya".

**Kedua** : Mengawasi perbelanjaan dan mengawalnya dengan baik. Utamakan keperluan asas sebagai nafkah diri dan keluarga seperti makan minum, tempat

tinggal dan bayaran pinjaman bulanan sebelum berbelanja untuk kegunaan lain seperti aktiviti percutian dan hiburan. Senaraikan kos perbelanjaan yang utama untuk diselesaikan, setelah itu baki daripada perbelanjaan tersebut barulah digunakan untuk perkara lain, sesuai dengan tahap kemampuan kewangan kita. Setiap ahli keluarga perlu dididik agar bijak berbelanja untuk mengelakkan pembaziran. Ketua keluarga hendaklah mengawal dan mengatur kewangan dan perbelanjaan ahli keluarganya. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah An-Nisa, ayat 5 :

**Tafsirnya** : "Dan janganlah kamu berikan kepada orang-orang safih harta (mereka yang ada dalam jagaan) kamu yang Allah telah jadi kanya sebagai asas kehidupan kamu. Dan berilah mereka itu perbelanjaan dan pakaian daripada hasil harta mereka (yang kamu usahakan) dan katakanlah kepada mereka dengan kata-kata yang baik".

**Ketiga** : Peruntukan sebahagian daripada harta kita untuk membuat kebajikan bagi menjadikan rezeki yang Allah Subhanahu Wata'ala kurniakan itu berkat. Lazimkan bersedekah, membantu kaum keluarga yang memerlukan, menyumbang untuk kegiatan agama dan kemasyarakatan dan sebagainya. Ingatlah bahawa dengan bersedekah rezeki kita akan bertambah dan diberkati. Daripada Abu Hurairah Radiallahu Anhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya** : "Tidak berlalu suatu pagi bagi hamba Allah melainkan akan turun dua malaikat ke (dunia) maka salah satunya berdoa : 'Ya Allah kurniakanlah gantian kepada orang yang menafakahkan hartanya'. Lalu berdoa malaikat yang lain : 'Ya Allah musnahkanlah harta orang yang baik!'. (Hadis Riwayat Imam Bukhari).

**Keempat** : Peruntukan sebahagian daripada wang yang diperoleh sebagai simpanan. Simpanan wang adalah perlu

bagi menjamin kesejahteraan dan keselesaan di waktu kesempenit. Setiap Muslim perlu memastikan dirinya sentiasa bersedia menghadapi hari-hari depannya dengan perancangan dan persediaan yang rapi. Elakkanlah diri kita daripada sikap meminta-minta dan menagih simpati orang lain di waktu terdesak. Dengan wang simpanan ini juga kita dapat merancang ekonomi keluarga yang lebih baik.

Di samping itu, janganlah pula kita melupakan tanggungjawab kita terhadap harta yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita iaitu kewajipan mengeluarkan zakat. Zakat berperanan membersihkan harta dan jiwa kita daripada noda dan dosa serta menambahkan keberkatan hidup di dunia dan di akhirat. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah At-Tawbah, ayat 103 :

**Tafsirnya** : "Ambillah sebahagian daripada harta mereka sebagai sedekah (zakat) supaya tengannya engku membersihkan mereka (daripada dosa) dan mensucikan mereka. Dan doakanlah mereka kerana sesungguhnya doamu itu menjadi sebab ketenteraman jiwa mereka. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui".

Sesungguhnya harta dan wang ringgit adalah amanah Allah Subhanahu Wata'ala yang dipinjamkan kepada manusia sebagai wasilah untuk mencapai kehidupan yang sejahtera dan diberkati. Oleh itu, kita belanjakanlah harta itu mengikut jalan yang direka Allah Subhanahu Wata'ala. Mudah-mudahan kita semua bijak dalam merancang dan menggunakan harta yang kita miliki bagi menjamin kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan di akhirat. Amin Ya Rabbal Alamin.

**Tafsirnya** : "Dan ketahuilah bahawa harta benda kamu dan anak-anak kamu itu hanyalah sebagai fitnah (ujian) dan sesungguhnya di sisi Allah jualah pahala yang besar". (Surah Al-Anfal, ayat 28).

## مقرنلنکن اپلیکاسی موده الیه جابتہ فرنگن



Dapatkan aplikasi dan muat turun di



### Memperkenalkan Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan

InfoDeptBN

- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
- Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
- Pelaksanaan Yang **Cepat Dan Mudah**
- Menjurus Ke Arah **Paperless** Dan **Green IT**

**Gunakanlah Aplikasi Kami!**

**'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'**

# دعا ممohen كفـد الله سقـاي قـرسـلامـة

## درـقد بلـاء دـان سـكـل جـنـيس قـيـاـكـيت

**DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ۝ ۳ کالی۝.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ الْتَّامَاتِ مِنْ شَرِّ مَا حَلَقَ ۝ ۳ کالی۝.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ أَسْمَهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي  
السَّمَاءِ وَهُوَ أَكْبَرُ الْعَلِيمُ ۝ ۳ کالی۝.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ  
اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ أَسْمَهِ دَاءَ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَخِنْنَا وَبِاللَّهِ  
أَحْتَسِنْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي الْعَزَّةِ وَاجْبَرُوْتِ.  
وَاعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَمِيْرِ الَّذِي لَا  
يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُنَاحِ، وَمِنْ سَبَبِي  
الْأَسْفَاقِ.

اللَّهُمَّ اصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي  
كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْطَّعْنَ وَالْطَّاغُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ  
وَقِنَا شَرَّ الْرَّدَى بِلْطِفَكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ  
شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝ ۳ کالی۝.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

### TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan anjaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkusa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

آية الكرسي

اللَّهُمَّ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذْنَا مُحَمَّدًا سِنَةً وَلَا نَوْمًا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مِنْ ذَلِكَ الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسَعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ حَفْظُهُمَا وَهُوَ عَلَى الْعَظِيمِ

**Peringatan :**

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

(صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاتًا كَامِلَةً وَسِلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ الْعُقْدُ، وَتَنْفَرُ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُقْضَى بِهِ الْحُوَاجُ، وَتُثَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَاحِبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٌ بَعْدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

**Maksudnya :**

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

**Penerangannya :**

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْإِسْتِعْفَارِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدُكَ مَا أُسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبْوُءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبْوُءُ بِذَنْبِي، فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبُ إِلَّا أَنْتَ.

**Maksudnya :**

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejadian yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

**Fadilatnya :**

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## ذَكْر بِچاءِنْ يَعْ مُبَاوا كِبَراً وَنَتوْغُنْ سَاعَتْ بَسْرَ كَفْد قَعْمَلَنْ ( تَولُقْ بَلَاءَ )

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

(3)

وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung juga).

**Penerangan :**

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

**Penerangan :**

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurnikannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

**Penerangan :**

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَسِيْرِي يَا قَيْوُمِ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغْيِثُ

(5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

**Penerangan :**

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأَفْوَضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya kepada Allah jua)).

**Penerangan :**

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

# BASMIDA anjur Majlis Khatam Al-Quran



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Azmah Haji Ahad



YANG Dipertua Persatuan Basmi Dadah Negara Brunei Darussalam (BASMIDA), Datin Hajah Dayang Masni binti Haji Mohd. Ali semasa sesi bergambar ramai pada Majlis Khatam Al-Quran dan Doa Kesukuran sempena Bulan Rejab 1446 Hijrah anjuran Kumpulan Dikir dan Tausyeh (Wanita) BASMIDA (kiri), manakala gambar kanan, Datin Hajah Dayang Masni semasa berucap pada majlis berkenaan.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 10 Januari. - Al-Quran penuh rahmat dan berkat yang mengandungi tunjuk ajar dan panduan hidup serta peringatan kepada orang yang mahu beringat dan pengajaran bagi yang mahu mengambil teladan.

Yang Dipertua Persatuan Basmi Dadah Negara Brunei Darussalam (BASMIDA), Datin Hajah Dayang Masni binti Haji

Mohd. Ali seterusnya menjelaskan, Al-Quran itu lengkap dengan pelbagai perkara yang kita hajati termasuk dalam usaha mencari rezeki yang berkat.

"Beruntunglah kitani selaku umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam kerana telah dikuniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dengan Al-Quran," ujar Datin Hajah Dayang Masni

semasa Majlis Khatam Al-Quran dan Doa Kesukuran sempena Bulan Rejab 1446 Hijrah anjuran Kumpulan Dikir dan Tausyeh (Wanita) BASMIDA yang berlangsung di Ibu Pejabat BASMIDA House, hari ini.

Beliau seterusnya menegaskan kepada semua untuk menjadikan membaca Al-Quran itu sebagai amalan harian kita dan berusaha memahami isi kandungannya

agar kita dapat menghayati segala apa yang ada dalam Al-Quran disertai dengan amalan-amalan sunat yang lain dan seterusnya mengikuti segala perintah Allah dan menjauhi segala larangan Allah yang telah ditetapkan.

Majlis berkenaan adalah sebagai tanda kesyukuran meraikan tamatnya pembacaan 30 Juzuk Al-Quran yang disertai oleh lebih 50 Ahli BASMIDA yang

ditugaskan membaca satu juzuk setiap seorang, manakala empat orang ahli lagi membaca dari Juzuk 1 hingga Juzuk 30.

Acara kerohanian itu juga adalah bersempena dengan kedatangan bulan Rejab pada 1 Januari 2025. Masih iaitu bulan Rejab merupakan bulan mulia yang membawa rahmah dan keberkatan, tanda persiapan kita menuju bulan Ramadan.

## 13 SYARIKAT DIDENDA GAGAL HADAPKAN PENYATA CUKAI PENDAPATAN

**Siaran Akhbar : Kementerian Kewangan dan Ekonomi**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 9 Januari. - Pada bulan Julai sehingga Disember 2024, sebanyak 13 buah syarikat tempatan telah diarahkan untuk membayar denda di Mahkamah Majistret atas kegagalan mematuhi Seksyen 52(1) Akta Cukai Pendapatan (Penggal 35) iaitu gagal untuk menghadapkan Penyata Cukai Pendapatan bagi Tahun-tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2014, 2015, 2016, 2017 dan 2019.

Manakala, Nirob Sdn. Bhd., Sameer Sdn. Bhd. dan K.M.J Sdn. Bhd. masing-masing dikenakan denda sebanyak BND5,000 kerana gagal untuk menghadapkan Penyata Cukai Pendapatan bagi Tahun-tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2014, 2015, 2016, 2017 dan 2019.

Manakala, Nirob Sdn. Bhd., Sameer Sdn. Bhd. dan K.M.J Sdn. Bhd. masing-masing dikenakan denda sebanyak BND5,000 kerana gagal untuk menghadapkan Penyata Cukai Pendapatan bagi Tahun-tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2014, 2015, 2016, 2017 dan 2019.

Jobtac Sdn. Bhd. pula dikenakan denda sebanyak BND4,000 kerana gagal untuk menghadapkan Penyata Cukai Pendapatan bagi Tahun-tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2017, 2018 dan 2019.

2014, 2015, 2016, 2017 dan 2018. Sementara itu, RM.Khan Sdn. Bhd. dikenakan denda sebanyak BND5,000 kerana gagal untuk menghadapkan Penyata Cukai Pendapatan bagi Tahun-tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2016, 2017, 2018 dan 2019.

Bagi One Station Sdn. Bhd. pula dikenakan denda sebanyak BND4,000 kerana gagal untuk menghadapkan Penyata Cukai Pendapatan bagi Tahun-tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2017, 2018, 2019 dan 2020.

Isc Lau Di Fang Restaurant and Catering Sdn. Bhd. dan Shahin Alam Sdn. Bhd. masing-masing dikenakan denda sebanyak BND3,000 kerana gagal untuk menghadapkan Penyata Cukai Pendapatan bagi Tahun-tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2017, 2018, 2019 dan 2020.

gagal untuk menghadapkan Penyata Cukai Pendapatan bagi Tahun-tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2016, 2017, 2018 dan 2019.

Bagi One Station Sdn. Bhd. pula dikenakan denda sebanyak BND4,000 kerana gagal untuk menghadapkan Penyata Cukai Pendapatan bagi Tahun-tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2017, 2018, 2019 dan 2020.

Isc Lau Di Fang Restaurant and Catering Sdn. Bhd. dan Shahin Alam Sdn. Bhd. masing-masing dikenakan denda sebanyak BND3,000 kerana gagal untuk menghadapkan Penyata Cukai Pendapatan bagi Tahun-tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2017, 2018, 2019 dan 2020.

Sementara itu, Jahanara Sdn. Bhd., Rahmaniyah Sdn. Bhd. dan Syukrith Sdn. Bhd. masing-masing dikenakan denda sebanyak BND2,000 kerana gagal untuk menghadapkan Penyata Cukai Pendapatan bagi Tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2018 dan 2019.

A M Hamza Sdn. Bhd. dikenakan denda sebanyak BND1,000 kerana gagal untuk menghadapkan Penyata Cukai Pendapatan bagi Tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2019.

Bahagian Hasil, Kementerian Kewangan dan Ekonomi ingin memberi peringatan bahawa syarikat-syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat, Penggal 39 adalah dikehendaki untuk

menghadapkan Penyata Cukai Pendapatan masing-masing selewat-lewatnya pada 30 Jun bagi Tahun Taksiran yang berkenaan seperti yang dikehendaki di bawah Seksyen 52(1) dari Akta Cukai Pendapatan (Penggal 35).

Jika sabit bersalah kerana gagal menghadapkannya, di samping dikehendaki untuk membayar denda yang dikenakan oleh mahkamah, syarikat terbabit juga dikehendaki untuk menghadapkan Penyata Cukai Pendapatan yang tertunggak dan membayar Cukai Pendapatan yang tertunggak serta penalti yang dikenakan iaitu maksimum 17 peratus daripada jumlah cukai yang tertunggak, jika ada.



سورو هنجاۓ قر خدمت ن عوام  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM  
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

**PANDUAN LATAR BELAKANG PENDIDIKAN**

- Kelulusan Pendidikan Tinggi**  
Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / PHD atau sebanding (bidang Major atau Minor dimestikan teratur)
- Kelulusan Pendidikan Menengah**  
PMB / GCE 'O' LEVEL / GCE 'A' LEVEL atau sijil / kelulusan sebanding
- Tamat Persekolahan**  
bagi pemohon yang menamatkan pelajaran di peringkat menengah sahaja



**PANDUAN MUATNAIK DOKUMEN**

- Maklumat Peribadi**  
Kad Pengenalan / Pasport / Gambar Terkini
- Maklumat Lesen Memandu**
- Kelulusan Pendidikan Tinggi**  
Sijil / Transkrip (dimestikan dimuatnaik) / MKPK (jika dari Institusi Swasta / Luar Negeri)
- Kelulusan Pendidikan Menengah**
- Tamat Persekolahan**  
(Sijil berhenti Sekolah)



**PANDUAN PENGALAMAN KERJA**

- Pengalaman Kerja Kerajaan**  
menandakan "✓" pada jawatan sekarang / prestasi 3 tahun kebelakangan / pengesahan profil pegawai kalkitangan kerajaan / tempoh kerja yang teratur / tarikh mula dalam tanda gaji / tanda gaji / nama jawatan yang betul
- Pengalaman Kerja Swasta**
- Pengalaman Kerja Beruniform**
- Pengalaman Bekerja Sendiri**
- Penempatan Kerja**
- Tidak Bekerja**



**PANDUAN KEMAHIRAN DAN KELAYAKAN PROFESIONAL**

- Kelayakan Profesional**
- Peperiksaan Kesetiausahaan**
- Kemahiran Bahasa**
- Lain-Lain Kemahiran**



**PANDUAN PEPERIKSAAN DAN KURSUS**

- Peperiksaan Kerajaan**
- Kursus Yang Dihadiri (Kerajaan/Swasta)**
- Kursus Induksi Perkhidmatan Awam**
- Kursus Perkhidmatan Awam (IPA)**
- Program Pembangunan Eksekutif**




**IKLAN JAWATAN KOSONG  
PERKHIDMATAN AWAM**

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAH TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI [WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)

**PERINGATAN PENTING**

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.



2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.

+673 7371961

PSC.IIN

query@spa.gov.bn



Telari WhatsApp  
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam



PSC.BN

|    | Jawatan, Tingga Gaji dan Bilangan Iklan*   | Urue setia Pengambilan                        | Kekosongan | Jenis Iklan | Tarikh Tutup Permohonan |
|----|--|---|------------|-------------|-------------------------|
| 1. | PEGAWAI PENGUATUSAHA<br>C.2 EB.3<br>(BAHAGIAN III)<br>PEJABAT DAERAH TUTONG,<br>KEMENTERIAN HAL EHWA<br>DALAM NEGERI<br><br>2024/DEC/01/KHDN   | KEMENTERIAN HAL EHWA<br>DALAM NEGERI          | 01         | 7(A)        | 18 JANUARI 2025         |
| 2. | KETUA JURULATIH KESENIAN<br>B.2 / B.2 EB.3<br>(BAHAGIAN II)<br>KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,<br>BELIA DAN SUKAN<br><br>2024/DEC/07/KBKS  | KEMENTERIAN<br>KEBUDAYAAN, BELIA DAN<br>SUKAN | 01         | 7(A)        | 18 JANUARI 2025         |
| 3  | PENOLONG PENGARAH<br>PEMBANGUNAN DAN<br>PERKHIDMATAN KERJA<br>KUMPULAN 2<br>(BAHAGIAN I)<br>JABATAN ARAHAN<br>PEMBANGUNAN DAN<br>PERKHIDMATAN KERJA,<br>KEMENTERIAN PERTAHANAN<br><br>2024/DEC/01/KPTH | PEJABAT SURUHANJAYA<br>PERKHIDMATAN AWAM      | 01         | 38(A)       | 18 JANUARI 2025         |
|    | PEGAWAI ARKIB KANAN<br>B.3<br>(BAHAGIAN II)<br>JABATAN MUZIUM-MUZIUM,<br>KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,<br>BELIA DAN SUKAN<br><br>2024/DEC/06/KKBS  | KEMENTERIAN<br>KEBUDAYAAN, BELIA DAN<br>SUKAN | 01         | 38(A)       | 22 JANUARI 2025         |
|    | PENOLONG PEGAWAI FOTO<br>TINGKAT II<br>C.2 EB.3<br>(BAHAGIAN III)<br>JABATAN MUZIUM-MUZIUM,<br>KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,<br>BELIA DAN SUKAN<br><br>2024/DEC/05/KKBS                                      | KEMENTERIAN<br>KEBUDAYAAN, BELIA DAN<br>SUKAN | 01         | 7(A)        | 22 JANUARI 2025         |
|    | PENGAWAS TINGKAT II<br>D.3 EB.4<br>(BAHAGIAN IV)<br>OUTWARD BOUND BRUNEI<br>DARUSSALAM,<br>KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,<br>BELIA DAN SUKAN<br><br>2024/DEC/04/KKBS  | KEMENTERIAN<br>KEBUDAYAAN, BELIA DAN<br>SUKAN | 01         | 7(A)        | 22 JANUARI 2025         |
|    | PEMERIKSA BURUH KANAN<br>C.3 EB.4<br>(BAHAGIAN III)<br>JABATAN BURUH,<br>KEMENTERIAN HAL EHWA<br>DALAM NEGERI<br><br>2024/DEC/05/KHDN  | KEMENTERIAN HAL EHWA<br>DALAM NEGERI          | 01         | 7(A)        | 22 JANUARI 2025         |

- PERINGATAN:  
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".  
2. PEMCHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIILAKUKAN DI BAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.  
3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI [WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)


**JABATAN PERANCANGAN  
EKONOMI DAN STATISTIK  
KEMENTERIAN KEWANGAN  
DAN EKONOMI**

Bilangan Sebut Harga :  
JPES / FIN / 6 /  
SH.UMUM / 11

Tajuk :  
Membekalkan dan Menghantar Peralatan Tulis Bagi Keperluan Jabatan Perangkaan (JPES)

Tarikh Tutup :  
22 Januari 2025.  
Rabu.


**JABATAN BOMBA DAN  
PENYELAMAT  
KEMENTERIAN HAL EHWA  
DALAM NEGERI**

Sebut Harga Bagi :  
Membekal dan Menghantar Perkakas dan Peralatan Hose Fitting (RUJ: JBP / TSH / 65 / 2024 - 2025)

Tarikh Tutup / Jam :  
Khamis,  
23 Januari 2025.  
(1.50 Petang)

Yuran Tawaran :  
BND5.00


**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

Iklan Tarikh Lanjutan

Tawaran Bagi  
Perkhidmatan Kawalan  
Keselamatan Ke Atas  
Bangunan Sekolah-Sekolah  
dan  
Maktab-Maktab,  
Kementerian Pendidikan

MOE / LTK / 100 / 2024 / 2025  
(JPK-JAN-2025)

Tawaran Terbuka  
Membekal dan Menghantar Inventor Kit Bagi Projek 'Enhancement Of 21st Century Skills And Steam Projects Bagi Business, Art & Technology Tahun 7 Dan Tahun 8' Bagi Tahun Kewangan 2024 / 2025

Bayaran Yuran /  
Dokumen Tawaran :  
BND30.00  
[Bayaran Yuran /  
Dokumen Tawaran  
Tidak Dikembalikan]

Tarikh Tutup  
dan Waktu Dilanjutkan :  
21 Januari 2025.  
[Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]

Pendaftaran Syarikat  
Dengan Kementerian  
Pembangunan Dalam  
Kategori P05  
P05 - Alat-Alat  
Kejuruteraan Elektrik,  
Elektronik dan Elektro-Mekanik

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran, Tingkat 4, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri.

**Perhatian :**  
Sila sertakan salinan "BUSINESS NAMES ENACTMENT, 1958 – SECTION 16 & 17" dan Sijil Pendaftaran Pemborong (MOD), Brunei Darussalam Registration Certificate, ROCBN, Certificate of Tax Compliance, Annual Return, ROCBN semasa menghantar dokumen ini ke Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

Nama Penghutang –  
KAMARUL ZAMAN BIN HAJI  
ABDUL RAZAK (BYIC NO.  
01-075495) Alamat – No. 2. Jalan  
Surapit, Kg. Jaya Bakti,  
Perpindahan Berakas, Negara  
Brunei Darussalam Mahkamah –  
Mahkamah Besar, Negara Brunei  
Darussalam Nombor –  
Kebankrapan Bil. 262 Tahun 2018  
Banyaknya bagi tiap-tiap satu  
ringgit – 71% Pertama atau  
terakhir selainnya – Pertama Bila  
kena dibayar – 19 September 2024  
Di mana Kena Bayar – Pejabat  
Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat  
2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong,  
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh : 21 Oktober 2024

Kes No.  
BCY / CP / 202 / 2010

**NOTIS MENGENAI  
PEMBAYARAN KOMPOSISI  
TERAKHIR**

Nama Penghutang – TUAH BIN  
HAJI SAFAR – 2nd Judgement  
Debtors (BYIC NO. 00-120906)  
Alamat – No. 3B, Simpang 287-17,  
Kampung Subok, Bandar Seri

Begawan, BD2717, Negara Brunei  
Darussalam Mahkamah –  
Mahkamah Besar, Negara Brunei  
Darussalam Nombor –  
Kebankrapan Bil. 202 Tahun 2010  
Banyaknya bagi tiap-tiap satu  
ringgit – 100% Pertama atau  
terakhir selainnya – Terakhir Bila  
kena dibayar – 24 September  
2024 Di mana Kena Bayar –  
Pejabat Pegawai Penerima Rasmi,  
Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan  
Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh : 17 Oktober 2024

Nuuror- Raheebah binti Haji  
Abd Wahab  
Timbalan Pegawai Penerima  
Rasmi  
B/P Pegawai Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar

Kes No.  
BCY / CP / 612 / 2015

**NOTIS MENGENAI  
PEMBAYARAN KOMPOSISI  
PERTAMA**

>> Muka 16



Kes No.  
BCY / CP / 190 / 2008

**NOTIS MENGENAI  
PEMBAYARAN KOMPOSISI  
PERTAMA**

Nama Penghutang – HAJI  
MUHAMMAD NOOR FADZIL BIN  
JUMAT (BYIC NO. 01-005978)  
Alamat – No. 3. Simpang 11-18,

Kampung Pulaie, Negara Brunei  
Darussalam Mahkamah –  
Mahkamah Besar, Negara Brunei  
Darussalam Nombor –  
Kebankrapan Bil. 190 Tahun 2008  
Banyaknya bagi tiap-tiap satu  
ringgit – 11% Pertama atau  
terakhir selainnya – Pertama Bila  
kena dibayar – 8 Ogos 2024 Di  
mana Kena Bayar – Pejabat  
Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat  
2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong,  
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh : 23 September 2024

Kes No.  
BCY / CP / 411 / 2017

**NOTIS MENGENAI  
PEMBAYARAN KOMPOSISI  
PERTAMA**

Tarikh : 17 Oktober 2024

Kes No.  
BCY / CP / 262 / 2018

**NOTIS MENGENAI  
PEMBAYARAN KOMPOSISI  
KEDUA**

Nama Penghutang – FATIMAHWATY BINTI ASSELY

&gt;&gt; Muka 15

**Nama Penghutang** – NORLINA BINTI HAJI ABDUL SAMAD – Penghutang Penghakiman Pertama (BYIC NO. 00-076130) **Alamat** – No.1. Simpang 211, Jalan Kota Batu, Kampung Mentiri, BU1929, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah** – Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor** – Kebankrapan Bil. 612 Tahun 2015 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** – 9% Pertama atau terakhir selainnya – Pertama Bila kena dibayar – 19 September 2024 **Di mana Kena Bayar** – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh : 19 Oktober 2024

Kes No.  
BCY / CP / 612 / 2015**NOTIS MENGENAI PEMBAYARAN KOMPOSISI PERTAMA**

**Nama Penghutang** – MOHD KHIR BIN HAJI ZABIDI – Penghutang Penghakiman Kedua (BYIC NO. 50-813808) **Alamat** – No. 1 Simpang 211, Jalan Kota Batu, Kampung Mentiri, BU1929, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah** – Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor** – Kebankrapan Bil. 612 Tahun 2015

**JABATAN PENERANGAN JABATAN PERDANA MENTERI**

CALON-calon yang terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut:-

**Pemberita Sambilan**

**Tatacara Permohonan :**  
A. Permohonan hendaklah lengkap dengan sijil-sijil dan dokumen-dokumen sokongan yang relevan.  
B. Permohonan hendaklah dihantar ke alamat berikut :

**Ketua Bahagian Pelita Brunei**  
Bahagian Pelita Brunei  
Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri  
Lapangan Terbang Lama  
Berakas, BB3510  
Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan** : Hanya pemohon-pemohon yang lulus ujian bertulis akan disenarai pendek sahaja dipanggil untuk ditemu duga.

Tarikh tutup permohonan pada  
**Sabtu,**  
**25 Januari 2025.**



Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit – 2% Pertama atau terakhir selainnya – Pertama Bila kena dibayar – 19 September 2024 **Di mana Kena Bayar** – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh : 19 Oktober 2024

Kes No.  
BCY / CP / 489 / 2016**NOTIS MENGENAI PEMBAYARAN KOMPOSISI PERTAMA**

**Nama Penghutang** – HAJI MOHD AZMI BIN AWG HAJI ASBI (BYIC NO. 00-074263) **Alamat** – No.1. Simpang 346, Kampung Batong, Jalan Kulapis Batong, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah** – Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor** – Kebankrapan Bil. 489 Tahun 2016 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** – 48% Pertama atau terakhir selainnya – Pertama Bila kena dibayar – 12 September 2024 **Di mana Kena Bayar** – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh : 19 Oktober 2024

Kes No.  
BCY / CP / 212 / 2021**NOTIS MENGENAI PEMBAYARAN KOMPOSISI PERTAMA**

**Nama Penghutang** – NORSIAH BINTI HAJI AHMADI (BYIC NO. 00-272061) **Alamat** – No.4. Simpang 661-75, Kg. Perpindahan Rataie, Temburong PE2951, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah** – Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor** – Kebankrapan Bil. 212 Tahun 2021 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** – 43% Pertama atau terakhir selainnya – Pertama Bila kena dibayar – 16 Oktober 2024 **Di mana Kena Bayar** – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh : 30 Oktober 2024

Kes No.  
BCY / CP / 322 / 2019**NOTIS MENGENAI PEMBAYARAN KOMPOSISI TERAKHIR**

**Nama Penghutang** – MOHAMAD SAHARIN BIN HAJI JUMAT ASBI (BYIC NO. 00-267160) **Alamat** – No.12, Simpang 1579-26, STKRJ Telisai, Tutong TC345, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah** – Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor** – Kebankrapan Bil. 322 Tahun 2019 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** – 100 % Pertama atau terakhir selainnya – Terakhir Bila kena dibayar – 24 September 2024 **Di mana Kena Bayar** – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh : 21 Oktober 2024

Kes No.  
BCY / CP / 716 / 2015**NOTIS MENGENAI PEMBAYARAN KOMPOSISI PERTAMA**

**Nama Penghutang** – ALI BIN HAJI IBRAHIM (BYIC NO. 00-128786) **Alamat** – No.4. Simpang 27-31,

Kes No.  
BCY / CP / 8 / 2010**NOTIS MENGENAI PEMBAYARAN KOMPOSISI KEDUA**

**Nama Penghutang** – DINA BINTI BAKARAUDIN (BYIC NO. 00-280974) **Alamat** – No. 30, Simpang 213, Jln. Bukit Bilid, RPN Bukit Beruang, Tutong, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah** – Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor** – Kebankrapan Bil. 8 Tahun 2010 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** – 69% Pertama atau terakhir selainnya – Kedua Bila kena dibayar – 14 Oktober 2024 **Di mana Kena Bayar** – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh : 31 Oktober 2024

**Nama Penghutang** – MOHAMAD KAMARUL LIZAM BIN HJ AWANG (BYIC NO. 00-291913) **Alamat** – Jabatan Bomba dan Penyelamat, Balai Bomba Tutong, Daerah Tutong, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah** – Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor** – Kebankrapan Bil. 404 Tahun 2012 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** – 16% Pertama atau terakhir selainnya – Pertama Bila kena dibayar – 4 Jun 2024 **Di mana Kena Bayar** – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh : 6 November 2024

**Nurul Hidayah binti Hamdan**  
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi  
B/P Pegawai Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar

Kes No.  
BCY / CP / 434 / 2017**NOTIS MENGENAI PEMBAYARAN KOMPOSISI KETIGA DAN TERAKHIR**

**Nama Penghutang** – YUSSOF BIN HAJI HASSAN (BYIC NO. 00-116801) **Alamat** – No. 15. Simpang 135-23-7, Rumah Kembar STKRJ Rimba, Gadong BE3119, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah** – Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor** – Kebankrapan Bil. 434 Tahun 2017 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu**

ringgit – 100% Pertama atau terakhir selainnya – Terakhir Bila kena dibayar – 10 Oktober 2024 **Di mana Kena Bayar** – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh : 6 November 2024

**Fatin Fikriyah binti Haji Rosli**  
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi  
B/P Pegawai Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar

Kes No.  
BCY / CP / 23 / 2011**NOTIS MENGENAI PEMBAYARAN KOMPOSISI PERTAMA**

**Nama Penghutang** – DAHLIA BINTI TUAH (BYIC NO. 00-120707) **Alamat** – No.21, Simpang 68, Jalan Sadaman Barat, STKRJ Kampung Tanah Jambu, Jalan Muara BU1129, Brunei Muara, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah** – Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor** – Kebankrapan Bil. 23 Tahun 2011 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** – 89% Pertama atau terakhir selainnya – Pertama Bila kena dibayar – 26 September 2024 **Di mana Kena Bayar** – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

&gt;&gt; Muka 17

**PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN)  
DI PELITA BRUNEI**

**IKLAN** dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.

- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400  
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

&gt;&gt; Muka 16

Tarikh : 5 Oktober 2024

**Kes No.**  
**BCY / CP / 69 / 2017**

**NOTIS MENGENAI  
PEMBAYARAN KOMPOSISI  
KEDUA**

**Nama Penghutang** – HAJI ROSMAN BIN HAJI KAMIS (BYIC NO. 00-278067) **Alamat** – No.5. Spg.127, Kg. Bukit Panggal, Tutong TB1341, Brunei Darussalam **Mahkamah** – Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor** – Kebankrapan Bil. 69 Tahun 2017 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** – 53% Pertama atau terakhir selainnya – Kedua Bila kena dibayar – 16 Oktober 2024 **Di mana Kena Bayar** – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh : 30 Oktober 2024

**Kes No.**  
**BCY / CP / 165 / 2009**

**NOTIS MENGENAI  
PEMBAYARAN KOMPOSISI  
PERTAMA**

**Nama Penghutang** – MAT SERUDIN BIN KAMBAR (BYIC NO. 00-048024) **Alamat** – No.5. Spg. 135-24-25, Rumah Kembar STKRJ, Kampung Rimba Gadong BE3119, Darussalam **Mahkamah** – Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor** – Kebankrapan Bil. 165 Tahun 2097 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** – 85% Pertama atau terakhir selainnya – Pertama Bila kena dibayar – 28 Oktober 2024 **Di mana Kena Bayar** – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh : 6 November 2024

**Kes No.**  
**BCY / CP / 177 / 2003**

**NOTIS MENGENAI  
PEMBAYARAN KOMPOSISI  
TERAKHIR**

**Nama Penghutang** – AMINAH BINTI HASSAN – Penghutang Penghakiman Kedua,(BYIC NO.00-070584) **Alamat** – No.41 Jln. 24, RPN Kampung Rimba Gadong, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah** – Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor** – Kebankrapan Bil. 177 Tahun 2003 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** – 100% Pertama atau terakhir selainnya – Terakhir Bila kena dibayar – 20 September 2024 **Di mana Kena Bayar** – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh : 6 November 2024

**Kes No.**  
**BCY / CP / 221 / 2013**

**NOTIS MENGENAI  
PEMBAYARAN KOMPOSISI  
PERTAMA**

**Nama Penghutang** – MOHAMAD YUSOP BIN ABDUL HAMID (BYIC NO. 00-306647) **Alamat** – No.699, Kg. Masin Jalan Mulaun, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah** – Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor** – Kebankrapan Bil. 221 Tahun 2013 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** – 47% Pertama atau terakhir selainnya – Kedua Bila kena dibayar – 9 Ogos 2024 **Di mana Kena Bayar** – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh : 23 September 2024

**Kes No.**  
**BCY / CP / 226 / 2016**

**NOTIS MENGENAI  
PEMBAYARAN KOMPOSISI  
PERTAMA**

**Nama Penghutang** – MOHD MU'IZZADIN BIN PARAJIN (BYIC NO. 00-294195) **Alamat** – No.7. Simpang 544-22-73-2-15, Kg. Peninjau, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah** – Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor** – Kebankrapan Bil. 226 Tahun 2016 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** – 33% Pertama atau terakhir selainnya – Pertama Bila kena dibayar – 20 September 2024 **Di mana Kena Bayar** – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh : 29 September 2024

**Kes No.**  
**BCY / CP / 258 / 2006**

**NOTIS MENGENAI  
PEMBAYARAN KOMPOSISI  
PERTAMA**

**Nama Penghutang** – SUHAILI BIN OMAR (BYIC NO. 00-124783) **Alamat** – No.26. Jalan Lamading, RPN Lumut, Belait KC2935, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah** – Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor** – Kebankrapan Bil. 258 Tahun 2006 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** – 76% Pertama atau terakhir selainnya – Pertama Bila kena dibayar – 25 September 2024 **Di mana Kena Bayar** – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh : 5 Oktober 2024

**Kes No.**  
**BCY / CP / 348 / 2015**

**NOTIS MENGENAI  
PEMBAYARAN KOMPOSISI  
PERTAMA**

**NOTIS MENGENAI  
PEMBAYARAN KOMPOSISI  
PERTAMA**

**Nama Penghutang** – MOHAMMAD HAMDANI BIN ABDULLAH (BYIC NO. 00-270599) **Alamat** – No.42. Simpan 38, Jalan Parak RPN Kg. Panaga, Seria KB4533 RPN Kg. Panaga, Seria KB4533, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah** – Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor** – Kebankrapan Bil. 348 Tahun 2015 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** – 31% Pertama atau terakhir selainnya – Pertama Bila kena dibayar – 27 September 2024 **Di mana Kena Bayar** – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh : 5 Oktober 2024

**Kes No.**  
**BCY / CP / 385 / 2016**

**NOTIS MENGENAI  
PEMBAYARAN KOMPOSISI  
PERTAMA**

**Nama Penghutang** – MOHAMMAD HATTA BIN HAJI JAMAL (BYIC NO. 00-126882) **Alamat** – No.8. Simpan 93-16-5, RPN Kg. Pandan 5B, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah** – Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor** – Kebankrapan Bil. 385 Tahun 2016 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** – 68% Pertama atau terakhir selainnya – Pertama Bila kena dibayar – 24 Oktober 2024 **Di mana Kena Bayar** – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh : 6 November 2024

**Kes No.**  
**BCY / CP / 506 / 2009**

**NOTIS MENGENAI  
PEMBAYARAN KOMPOSISI  
KEDUA**

**Nama Penghutang** – NORHAYATI BINTI ISHAK @ SAHAK (BYIC NO. 00-122193) **Alamat** – No.159, Jalan 77, Perpindahan Lambak Kanan, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah** – Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor** – Kebankrapan Bil. 506 Tahun 2009 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** – 68% Pertama atau terakhir selainnya – Kedua Bila kena dibayar – 16 Oktober 2024 **Di mana Kena Bayar** – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh : 2 November 2024

**Kes No.**  
**BCY / CP / 576 / 2011**

**NOTIS MENGENAI  
PEMBAYARAN KOMPOSISI**

**PEMBAYARAN KOMPOSISI  
PERTAMA**

**Nama Penghutang** – ABD MANAN BIN KANAK (BYIC NO. 00-059984) **Alamat** – No.3. F11, Simpang 253-15, Kg. Kiarong, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah** – Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor** – Kebankrapan Bil. 576 Tahun 2011 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** – 79% Pertama atau terakhir selainnya – Terakhir Bila kena dibayar – 13 Ogos 2024 **Di mana Kena Bayar** – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh : 6 November 2024

**Kes No.**  
**BCY / CP / 583 / 2015**

**NOTIS MENGENAI  
PEMBAYARAN KOMPOSISI  
PERTAMA**

**Nama Penghutang** – SAID BIN LUIN (BYIC NO. 00-269279) **Alamat** – No. 2629. Kg. Long Mayan, Tutong TF4747, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah** – Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor** – Kebankrapan Bil. 583 Tahun 2015 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** – 39% Pertama atau terakhir selainnya – Pertama Bila kena dibayar – 25 September 2024 **Di mana Kena Bayar** – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh : 21 Oktober 2024

**Kes No.**  
**BCY / CP / 597 / 2011**

**NOTIS MENGENAI  
PEMBAYARAN KOMPOSISI  
PERTAMA**

**Nama Penghutang** – ASMIN BIN HAJI BAHA (BYIC NO. 00-266046) **Alamat** – No. 51 Simpang 185, Jalan Tanjung Selasih, RPN Mengkubau, BU1729, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah** – Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor** – Kebankrapan Bil. 597 Tahun 2011 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** – 36% Pertama atau terakhir selainnya – Pertama Bila kena dibayar – 17 Oktober 2024 **Di mana Kena Bayar** – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh : 6 November 2024

**Kes No.**  
**BCY / CP / 621 / 2016**

**NOTIS MENGENAI  
PEMBAYARAN KOMPOSISI  
TERAKHIR**

**Nama Penghutang** – ASMAFI BIN A.M.ALI (BYIC NO. 00-308464) **Alamat** – No. 12, Simpang 542. Kg.

Lambak, Jalan Pasir Berakas, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah** – Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor** – Kebankrapan Bil. 621 Tahun 2012 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** – 100% Pertama atau terakhir selainnya – Terakhir Bila kena dibayar – 13 Ogos 2024 **Di mana Kena Bayar** – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh : 21 Oktober 2024

**Muhd Muzakkir bin Haji Zakaria**  
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi  
B/P Pegawai Penerima Rasmi Mahkamah Besar

**Kes No.**  
**BCY / CP / 90 / 2018**

**NOTIS MENGENAI  
PEMBAYARAN KOMPOSISI  
KEDUA DAN TERAKHIR**

**Nama Penghutang** – HAJI HAMIDON BIN HAJI KAMBAR (BYIC NO. 00-057766) **Alamat** – No. 43 Spg.38-56, Kg. Selayun, Sengkurong 'B' BG1721 Negara Brunei Darussalam **Mahkamah** – Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor** – Kebankrapan Bil. 90 Tahun 2018 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** – 100% Pertama atau terakhir selainnya – Terakhir Bila kena dibayar – 16 Oktober 2024 **Di mana Kena Bayar** – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh : 7 November 2024

**Kes No.**  
**BCY / CP / 495 / 2012**

**NOTIS MENGENAI  
PEMBAYARAN KOMPOSISI  
KEDUA**

**Nama Penghutang** – HAJAH NORHAZAH BINTI HAJI MUHAMMAD (BYIC NO. 00-281170) **Alamat** – No. 5 Blok 3, Flat Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara BB2313, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah** – Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor** – Kebankrapan Bil. 495 Tahun 2012 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** – 38% Pertama atau terakhir selainnya – Kedua Bila kena dibayar – 3 September 2024 **Di mana Kena Bayar** – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh : 25 September 2024

**Dk Siti Nursu'aiah binti Pg. Jufrizar @ Pg. Tajuddin**  
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi B/P Pegawai Penerima Rasmi Mahkamah Besar



# جوالن سالینان کنہبر ۲ دیکنیتل

## JUALAN SALINAN GAMBAR-GAMBAR DIGITAL



### HARGA JUALAN

Penjualan harga bagi satu gambar digital adalah BND20.

Penjualan cd sekeping adalah BND1. Penjualan satu gambar digital dan satu keping cd adalah BND21.

(Gambar-gambar yang hanya melibatkan ahli kerabat Diraja tidak akan dijual).

### TEMPAT MENERIMA TEMPAHAN GAMBAR/ MENERIMA BAYARAN

Kaunter Unit Fotografi bagi menerima tempahan gambar dan tempat menerima pembayaran Kaunter Unit Kewangan, Jabatan Penerangan.

### JENIS-JENIS

Penjualan salinan gambar-gambar digital yang terdapat dalam **laman galeri Infofoto ([www.infofoto.gov.bn](http://www.infofoto.gov.bn))**

dan juga gambar-gambar yang terdapat dalam simpanan jabatan yang diambil oleh warga Jabatan Penerangan.

### IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,  
JABATAN PERDANA MENTERI,  
LAPANGAN TERBANG LAMA,  
BERAKAS, BB3510,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**TALIAN : 2383400**  
**FAKS : 2382242**

GAMBAR BOLEH DIBELI MELALUI:  
KAUNTER UNIT FOTO, ARAS BAWAH,  
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

### WAKTU PERNIAGAAN


Isnin - Khamis  
8.00 Pagi – 12.00 T/hari  
2.00 Ptg – 3.00 Ptg  
Sabtu  
8.00 Pagi – 11.00 Pagi



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri  
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept\_bn

# Dijatuhi hukuman atas kesalahan rasuah



Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 9 Januari. - Bekas Penolong Pegawai Narkotik II, Awang Muhammad Ali Iskandar bin Mustapha didakwa di hadapan Yang Arif Majistret Kanan, Hajah Azrimah binti Abdul Rahman pada 26 Disember 2024, atas lima pertuduhan di bawah Bab 12B Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131 dan dua pertuduhan diambil kira. Bab ini membawa hukuman denda sebanyak BND30,000 dan penjara selama tujuh tahun.

Kes itu terbongkar apabila Biro Kawalan Narkotik (BKN) menangkap seorang individu (orang kena tangkap - OKT) yang disyaki terlibat dalam penyalahgunaan dan penjualan dadah terlarang di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Semasa siasatan dijalankan, Muhammad Ali Iskandar didapati sentiasa berhubung dengan OKT

## PADAH AKIBAT RASUAH

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 9 Januari. - Majistret Kanan, Dewi Norlelawati binti Haji Abdul Hamid menjatuhkan hukuman penjara 24 bulan terhadap Warder 724 Mohammad Azizan bin Liusin pada 7 Januari 2025, selepas pengakuan bersalahnya terhadap dua pertuduhan di bawah Bab 6(a) Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131.

Tertuduh, berumur 33 tahun, disabitkan atas dua pertuduhan tersebut kerana menerima bayaran untuk memudahkan komunikasi tanpa kebenaran antara seorang banduan di Penjara Maraburong dan individu di luar penjara tersebut.

Siasatan oleh Biro Mencegah Rasuah mendedahkan bahawa pada bulan November dan Disember 2020, tertuduh telah menerima bayaran sebanyak BND600 dan BND50, masing-masing sebagai pertukaran untuk menyampaikan

**YANG Arif seterusnya menegaskan betapa seriusnya kesalahan yang dilakukan oleh tertuduh dengan menyatakan bahawa jika rasuah diamalkan oleh mereka yang bertanggungjawab dalam pemulihan penjara, perkara ini sudah pasti akan menyebabkan hilangnya keyakinan dan kepercayaan orang ramai terhadap institusi penjara serta menghakim moral pegawai penjara yang jujur.**

adalah kes pertama salah laku dalam Perkhidmatan Awam oleh penjawat awam yang dijatuhi hukuman di mahkamah NBD.

Pihak pendakwaan mengemukakan bahawa kepentingan awam menuntut pengenaan hukuman penjara yang cukup panjang untuk jenis laku seperti ini di dalam Perkhidmatan Awam, yang sangat mengerikan dan telah menyebabkan kemudaratannya yang ketara, khususnya, keyakinan orang ramai terhadap keupayaan BKN untuk membanteras pengedaran dadah dan penyalahgunaan dadah terlarang.

Pihak pendakwaan memohon kepada mahkamah untuk menjatuhkan hukuman penjara yang panjang dan berat, untuk mencapai pencegahan dan untuk menghantar mesej yang jelas bahawa anggota agensi penguatkuasaan undang-undang dipegang pada standard yang lebih tinggi daripada orang awam lain kerana mereka diamanahkan oleh orang ramai tanggungjawab untuk menghapuskan jenayah dalam bidang masing-masing, dan pengabaian tanggungjawab tersebut akan membawa akibat yang teruk.

Muhammad Ali Iskandar mengaku bersalah kepada semua pertuduhan yang dikenakan ke atasnya. Majistret Kanan kemudiannya menjatuhkan hukuman keseluruhan penjara dua tahun lapan bulan. Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Siti Khalilah binti Haji Hussin.

surat antara seorang banduan di Penjara Maraburong dan ahli keluarga serta rakan perniagaan banduan tersebut. Semasa menjatuhkan hukuman, Yang Arif Majistret Kanan menekankan peranan penting penjara dalam mengekalkan ketenteraman dan keselamatan.

Yang Arif seterusnya menegaskan betapa seriusnya kesalahan yang dilakukan oleh tertuduh dengan menyatakan bahawa jika rasuah diamalkan oleh mereka yang bertanggungjawab dalam pemulihan penjara, perkara ini sudah pasti akan menyebabkan hilangnya keyakinan dan kepercayaan orang ramai terhadap institusi penjara serta menghakim moral pegawai penjara yang jujur.

Dalam memutuskan hukumannya, Yang Arif Majistret Kanan menyatakan bahawa hukuman pencegahan adalah perlu bagi menyampaikan

Hukuman tersebut diarahkan untuk berkuat kuasa mulai 31 Disember 2024, tarikh apabila tertuduh mengaku bersalah. Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Ahmad Firdaus bin Mohammad.

Turut diingatkan bahawa Bab 6(a) Akta Pencegahan Rasuah memperuntukkan hukuman terhadap individu yang menerima suapan berkaitan hal ehwal atau urusan utamanya, dengan hukuman termasuk denda dan penjara sehingga tujuh tahun.

# Dikehendaki untuk bantu siasatan

■ Siaran Akbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 8 Januari. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) memohon kerjasama dan bantuan orang ramai bagi mengesan seorang lelaki warga tempatan, Abdul Amin bin Mahari, nombor Kad Pengenalan 01-060365 (K) yang dikehendaki untuk membantu siasatan Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-kanak.

Menurut Siaran Akbar PPDB, orang ramai bolehlah berhubung terus ke Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-kanak, Jabatan Siasatan Jenayah menerusi talian +673 2459500 sambungan 437 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau



ABDUL Amin bin Mahari.  
mana-mana balai polis yang berdekatan.

## Bantu kesan Mohammad Ronney

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 8 Januari. - Pasukan Polis Diraja Brunei memohon kerjasama dan bantuan orang ramai untuk mengesan seorang lelaki yang dikehendaki untuk membantu siasatan.

Lelaki berkenaan, Mohammad Ronney bin Sulaiman, seorang warganegara tempatan dengan nombor Kad Pengenalan 00-273200 (K).

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, sila hubungi ke Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-kanak, Jabatan Siasatan Jenayah menerusi talian +673 2459500 sambungan 437 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau mana-mana balai polis yang berdekatan.



MOHAMMAD Ronney bin Sulaiman.

# Seorang lelaki warga tempatan dikehendaki

PENGIRAN Yusriman bin Pengiran Haji Yusoff.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 8 Januari. - Pasukan Polis Diraja Brunei memohon kerjasama dan bantuan orang ramai untuk mengesan seorang lelaki yang dikehendaki untuk membantu siasatan.

Lelaki berkenaan, Pengiran Yusriman bin Pengiran Haji Yusoff, seorang warganegara tempatan dengan nombor Kad Pengenalan 00-277241 (K).

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, sila hubungi ke Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-kanak, Jabatan Siasatan



Jenayah menerusi talian +673 2459500 sambungan 244 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau mana-mana balai polis yang berdekatan.

# MEMPERKASA KEUPAYAAN PERNIAGAAN TEMPATAN

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis  
Foto : Ihsan Ghani International Corporation



LAMBAK KANAN, Jumaat, 10 Januari. - Dalam usaha untuk melengkapkan usahawan tempatan dengan alat kewangan yang penting khususnya dalam memahami lagi struktur kos perniagaan dan membuat keputusan perniagaan, Ghanim International Corporation (Ghanim) telah menganjurkan Costing Workshop di mana seramai empat usahawan tempatan yang terdiri dalam kalangan usahawan 1 Kampung 1 Produk (1K1P) dikumpulkan dalam pengajian bengkel tersebut, baru-baru ini.

Costing Workshop tersebut dikendalikan oleh pensyarah dari Universiti Brunei Darussalam (UBD), School of Business and Economics, Dayangku Hajah

Saerah binti Pengiran Haji Petra. Peserta bengkel telah diperkenalkan dengan konsep-konsep pengekosan utama, termasuk kos langsung dan tidak langsung, kos tetap dan berubah serta analisis pulangan modal.

Melalui latihan praktikal dengan mengaplikasikannya ke dalam dunia sebenar, peserta mempelajari cara mengurus perbelanjaan dengan lebih berkesan dan terus berusaha meningkatkan kemampuan dan konsisten dalam perniagaan mereka.

Inisiatif yang diungkayahkan oleh Ghanim ini merupakan sebahagian usaha dan komitmen yang berterusan daripada mereka

PENSYARAH dari Universiti Brunei Darussalam, School of Business and Economics semasa mengendalikan Costing Workshop (atas kiri), manakala gambar atas kanan dan gambar kanan, antara yang turut serta dalam bengkel tersebut.

untuk menyokong dan mendukung usahawan 1K1P khususnya dalam industri pemakanan di negara ini.

Selain itu, ia juga sejajar dengan Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani oleh Ghanim bersama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang bertujuan untuk memperkasa dan meningkatkan perniagaan



tempatan melalui perkongsian pengetahuan, pembinaan kapasiti dan peluang pengembangan pasaran perniagaan.



Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland  
Foto : Ihsan @Sweetsorpresa

DALAM dunia dekorasi dan pengajuran acara, Candy Wall atau dinding gula-gula kini menjadi pilihan popular bagi pelbagai jenis majlis seperti majlis perkahwinan, sambutan hari jadi atau acara berkumpul bersama keluarga dan rakan-rakan. Dinding gula-gula ini bukan sahaja berfungsi sebagai elemen hiasan yang menarik tetapi juga memberi pengalaman interaktif kepada tetamu yang hadir terutama kepada kanak-kanak.

Candy Wall ialah panel hiasan yang dilengkapi dengan pelbagai jenis gula-gula yang dipamerkan dalam kotak atau bekas kecil. Reka bentuknya yang kreatif menjadikannya sebagai daya tarikan utama di lokasi acara. Elemen tambahan seperti bunga, lampu LED dan tema tulisan juga sering digunakan untuk meningkatkan keindahannya.

Candy Wall juga menciptakan suasana ceria dan penuh warna, menjadikan majlis lebih meriah dan *Instagram-worthy*. Adanya Candy Wall ini membolehkan tetamu memilih sendiri gula-gula kegemaran mereka, menjadikan pengalaman ini lebih peribadi dan menyeronokkan. Ia juga boleh disesuaikan mengikut tema acara, sama ada moden maupun tradisional.

Sebagai pengganti kepada manisan biasa, Candy Wall memberikan kelainan dalam penyajian makanan. Pelbagai jenis gula-gula yang disediakan termasuk lolipop, gula-gula getah, coklat dan gula-gula tradisional agar dapat memenuhi selera pelbagai lapisan tetamu. Selain daripada

gula-gula, jeli, keropok, biskut paket dan minuman *instant 3 in 1* juga boleh disimpan di dalam petak Candy Wall.

Reka bentuk dan tema juga memainkan peranan penting. Penggunaan warna dan dekorasi yang sejahtera dengan tema majlis juga menarik lagi minat pelanggan untuk menempahnya. Contohnya, untuk majlis perkahwinan, tambahkan elemen bunga dan warna pastel. Manakala untuk sambutan hari jadi kanak-kanak pula, gunakan warna terang atau karakter kartun. Kombinasi warna yang sesuai juga dapat menambahkan daya tarikan visual.

Pastikan juga gula-gula disusun dengan kemas dan mudah dicapai oleh tetamu. Kotak yang digunakan perlu lut sinar (*transparent*) untuk mempamerkan isi kandungan dengan jelas.

Menemu bual seorang usahawan yang menawarkan perkhidmatan penyewaan Candy Wall, Norfazilah binti Haji Abdul Salam berkata idea untuk menghasilkan Candy Wall tersebut tercetus daripada pemerhatian terhadap trend di media sosial luar negara. Inspirasi tersebut telah membawa kepada usaha untuk memperkenalkannya di Negara Brunei Darussalam. Dengan sambutan yang amat menggalakkan, Candy Wall kini menjadi pilihan utama bagi memeriahkan majlis.

Menurutnya, pembuatan Candy Wall melibatkan penggunaan bahan-bahan berkualiti tinggi. Beliau menawarkan tiga pilihan saiz Candy Wall untuk tempahan

pelanggan, iaitu Saiz 7' x 4' (12 petak), Saiz 6' x 3.5' (9 petak) dan Saiz 6' x 3' (9 petak). Bahan utama yang digunakan adalah kayu plywood, manakala bahan tambahan termasuk akrilik, skru, paku dan patam. Reka bentuk yang kukuh dan estetik menjadikan Candy Wall ini bukan sahaja praktikal tetapi juga menarik perhatian.

Kadar harga untuk tempahan Candy Wall ialah BND50 hingga BND80 sehari untuk Candy Wall sahaja. Manakala untuk menempah Candy Wall bersama gula-gula berharga BND150 hingga BND300. Bagi yang berminat, tempahan boleh dibuat dengan menghubungi talian *hotline +673 7115872* atau mengunjungi Instagram beliau @Sweetsorpresa.

Candy Wall adalah inovasi kreatif yang mampu mengubah suasana acara biasa

## Candy Wall: Alternatif kreatif untuk

## memeriahkan majlis





### Pendingin Hawa



- Selaraskan suhu di antara paras  $23^{\circ}\text{C}$  sehingga  $25^{\circ}\text{C}$ .
- Sentiasa membersihkan penapis udara.
- Sentiasa membuat penyelenggaraan ke atas sistem pendingin hawa.

### Sistem Lampu



- Padamkan atau kurangkan penggunaan lampu apabila tidak digunakan.
- Gunakan lampu cekap tenaga seperti Compact Fluorescent Lamp (CFL) dan Light-Emitting Diode (LED).
- Bersihkan lampu daripada kotoran dan habuk dengan kerap.

## TIP PENJIMATAN TENAGA

### Peti Sejuk



- Pastikan makanan dan minuman panas dibiarkan sejuk terlebih dahulu sebelum dimasukkan ke dalam peti sejuk.
- Pastikan pintu peti sejuk sentiasa ditutup rapat.
- Pastikan ada ruang yang mencukupi sekurang-kurangnya sebanyak 10cm hingga 15cm di antara peti sejuk dan dinding.

### TENAGA



### Peralatan-peralatan Lain

- Matikan suis apabila selesai menggunakan peralatan elektrik seperti televisyen, periuk nasi, sistem pemanas, mesin basuh dan sebagainya.
- Tanggalkan alat pengecas jika tidak digunakan.
- Tanggalkan 'plug' apabila selesai menggunakan peralatan elektrik.

## Gunakan tenaga elektrik secara berhemah

**P**ENGUNAAN tenaga elektrik dalam dunia yang serba moden ini sememangnya sudah menjadi satu keperluan dalam kehidupan sehari-hari. Barang elektrik seperti pendingin hawa, lampu, televisyen, peralatan komputer, peti sejuk dan banyak lagi setentunya memerlukan bekalan tenaga elektrik untuk dapat menggunakannya.

Pihak kerajaan melalui Bahagian Peralihan Tenaga, Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri telah mengambil inisiatif dengan menetapkan sasaran strategik jangka pendek bagi pengurangan penggunaan tenaga elektrik secara bersepadu bagi penjimatan penggunaan bahan bakar, mengurangkan pengeluaran karbon dan memupuk budaya lestari. Memetik laman sesawang <https://www.energy.gov.bn/>

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim  
Infografik : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

berikut dikongsikan tip penjimatan tenaga dan beberapa garis panduan penjimatan tenaga elektrik bagi pejabat-pejabat kerajaan dan sekolah-sekolah untuk dijadikan panduan semua. Dengan adanya garis panduan ini diharap akan dapat menjadikan kita,

khususnya warga Perkhidmatan Awam dan warga sekolah di negara ini, sebagai pengguna yang bijak dan sekali gus menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang mengamalkan penggunaan tenaga elektrik yang cekap, bijak dan berhemah.

### GARIS PANDUAN PENJIMATAN TENAGA ELEKTRIK BAGI PEJABAT-PEJABAT KERAJAAN DAN SEKOLAH-SEKOLAH

#### Penjimatan Sistem Lampu



- Padamkan lampu yang tidak atau jarang digunakan seperti di bilik stor, tandas, bilik mesyuarat, pantri, koridor dan surau.
- Buka langsir tingkap bilik untuk membolehkan cahaya matahari masuk menerangi ruang tanpa menggunakan lampu elektrik.
- Pastikan waktu operasi sistem pencahayaan dihidupkan pada masa yang diperlukan.
- Letakkan meja berhampiran dengan tingkap untuk memaksimumkan penggunaan cahaya matahari.

#### Penjimatan Sistem Lif



- Gunakan lif hanya untuk bergerak ke tingkat yang tinggi.
- Gunakan tangga untuk bergerak ke tingkat yang berhampiran.
- Memperkenalkan hari tanpa lif atau eskalator sekurang-kurangnya sekali dalam seminggu.

#### Penjimatan Sistem Peti Sejuk dan Peti Pembeku



- Pastikan pintu peti sejuk tertutup rapat bagi menghalang udara panas daripada masuki unit.
- Disarankan untuk menggunakan peti sejuk yang cekap tenaga dan mempunyai label kecekapan tenaga.
- Selaraskan suhu ke paras  $-25^{\circ}\text{C}$  hingga  $-22^{\circ}\text{C}$  bagi peti pembeku dan  $2^{\circ}\text{C}$  hingga  $3^{\circ}\text{C}$  bagi peti sejuk.
- Bersihkan 'cooling coils' di belakang semua unit. Kotoran yang terkumpul dapat menjadikan pemindahan haba yang betul dan mengurangkan kecekapan dan kapasiti peti sejuk.

#### Penjimatan Sistem Pendingin Hawa



- Padamkan sistem pendingin hawa jenis split unit jika meninggalkan bilik untuk tempoh melebihi dua jam.
- Kurangkan waktu operasi sistem. Contohnya, memulakan operasi pendingin hawa dari pukul 7.30 pagi hingga 4.30 petang (waktu bekerja).
- Selaraskan suhu ke paras  $23^{\circ}\text{C}$  hingga  $25^{\circ}\text{C}$ .
- Selaraskan suhu ruang koridor dan labi supaya lebih tinggi daripada suhu sekitar ruang pejabat utama.
- Disarankan untuk menggunakan pendingin hawa yang cekap tenaga dan mempunyai label kecekapan tenaga.

#### Penjimatan Bagi Peralatan-Peralatan Elektrik Yang Lain (Komputer, Mesin Cetak, Pengimbas dan Fotokopi)



- Matikan suis komputer, mesin pencetak dan fotokopi selepas sahaja tamat waktu bekerja dan apabila tidak digunakan.
- Ikut jadual penyelenggaraan yang telah pun ditetapkan.
- Gunakan fungsi 'eco mode' bagi mengurangkan penggunaan tenaga elektrik tanpa mengurangkan kualiti semasa mencetak dan juga fungsi 'print preview' untuk memastikan gaya dan bentangan dokumen sebelum mencetak.
- Mengamalkan penggunaan ciri-ciri pengurusan tenaga seperti menetapkan komputer kepada keadaan 'sleep mode' apabila tidak digunakan.

# 35 SERTAI BENGKEL PENGURUSAN JENAZAH



BENGKEL dianjurkan oleh Jawatankuasa Takmir Masjid Az-Zakireen dengan tujuan untuk memberi pengetahuan, pendedahan serta panduan praktikal kepada peserta berkaitan tatacara, adab-adab dan kaedah menguruskan jenazah secara teori dan praktikal.

**Siaran Akhbar dan Foto :**  
**Masjid Az-Zakireen**

**MERAGANG**, Khamis, 9 Januari. - Dalam usaha memperkuatkukan pemahaman masyarakat terhadap tanggungjawab Fardu Kifayah, seramai 35 orang telah mengikuti Bengkel Penyempurnaan Jenazah Lelaki bagi jemaah masjid dan orang ramai yang dijalankan di Masjid Az-Zakireen, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Meragang baru-baru ini.

Bengkel tersebut dianjurkan oleh Jawatankuasa Takmir Masjid Az-Zakireen dengan tujuan untuk memberi pengetahuan, pendedahan serta panduan praktikal kepada peserta berkaitan tatacara, adab-adab dan kaedah menguruskan jenazah secara teori dan praktikal.

Di samping itu, bengkel ini juga bertujuan untuk melahirkan rasa tanggungjawab dan hubungan kerjasama antara peserta berkaitan aspek Fardu Kifayah dalam

pengurusan jenazah secara Islam. Fasilitator bagi bengkel ini ialah imam dari Masjid Pehin Khatib Abdullah, Kampung Kulapis, Awang Haji Md. Burhanuddin bin Haji Damit yang telah menyampaikan bengkel dari aspek teori dan praktikal, termasuk persediaan awal : memahami proses memandikan, mengkafarkan, dan menyembahyangkan jenazah.

Turut diterangkan semasa bengkel tersebut ialah hukum dan adab, iaitu penjelasan hukum-hukum berkaitan pengurusan jenazah mengikut syarak, serta zikir, amalan dan doa yang sesuai sepanjang proses pengurusan jenazah.

Bengkel ini turut dihadiri oleh Imam 1 dan Imam 2 Masjid Az-Zakireen RPN Kampung Meragang; Pemangku Ketua Kampung Kawasan 1 dan Ketua Kampung Kawasan 2 RPN Kampung Meragang serta Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Az-Zakireen.

Dengan adanya bengkel seperti ini, diharapkan komuniti dapat bersama-sama memikul tanggungjawab Fardu Kifayah, memastikan setiap insan mendapat penghormatan terakhir yang sewajarnya mengikut ajaran Islam.

## Selamatkan Usus Awda.

## Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

كتيرين كمبختن  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
MINISTRY OF HEALTH

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa\* Doktor awda hari ini atau layari [www.ppkk.gov.bn](http://www.ppkk.gov.bn)

\*Sasaran pemeriksaan:  
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.



PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Colonrectal Cancer Awareness

# MINDA PEMBACA

## TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 1.'Pembaziran Merugikan Masyarakat, Ekonomi Negara'. Tarikh Tutup : 15 Januari 2025
- 2.'Kepimpinan Bermula Dari Diri Sendiri'. Tarikh Tutup : 22 Januari 2025
- 3.'Perpaduan Kunci Pembangunan'. Tarikh Tutup : 29 Januari 2025

## TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarap jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

## SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

[pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Menangi  
**BND75**  
SETIAP MINGGU

# PUISI

## Gambaran Hidup Yang Kumuh Dan Lusuh (Cerita Lama)

Mati pasti datang, setiap hidup akan merasai mati  
Apa rasa mati? Bagaimana mati? Dan alam mati  
Bohong kalau tak takut mati dan tak takut Kiamat

Perkara yang sudah tersurat dan tersirat, tak boleh dielak

Se semua makhluk tak tahu bila mati

Bila? Di mana? Dan bagaimana?

Di laut di darat, di rumah atau di gunung

Kamu jangan alpa bila senja baru sadar

Termenung bermuram mengelamun angan-angan

Dosa banyak dibuat disengaja dan tak disengaja

Semakin bertambah

Bila baring langui kasau lihat langit celah jendela

Umur bertambah mata kabur sesal tak sudah

Dulu, umpat sana umpat sini, hasut sana hasut sini

Fitnah sana fitnah sini, maksiat sana maksiat sini

Tunjuk hebat mendabik dada wang banyak

Hutang keliling pinggang, bila ditagih bercekak pinggang

Mati kian hampir muka badan semua dah lendir

Baru nak ingat sembahyang dan baca kitab

Tasbih seribu biji digantung di leher mata terkebil kebil

Sambil mengenang muda perangai tak menentu

Tipu curi dan bohong kerja sampingan

Sering dilakukan tak kira siang dan malam

Gerini cikar handsome bukan main

Korol rambut munjung di depan macam seniman legenda purba

Kasut tumit tinggi sisir di celana belakang

Kering rambut peluh ketiak dipalitkan

Bedak tebal berminyak wangi bercap red rose

Basigup cap sigupung minum air anggur penebal muka

Mundar mandir cari mangsa

Semua masuk semua boleh free size

Bila mabuk kapar-kapar jalan lintang pukang

Tumbuk dinding bukut orang

Tak payah dicongak tak payah dibagi didarab

Hitung panjang semua hancur berkecaci

Dosa berbaki segunung menangis tak berlagu

Inilah kehidupan orang dulu-dulu

Pancaran syarahan ugama jarang didengar

Hidup bernafsu bernafsi kais pagi makannya petang

Lintang-pukang rumah berdingdingkan kajang

Berlantai buluh bertiang nibong dan kulimpapa

Atap daun nipah ditebang di sungai-sungai bila ribut habis terbang

Tangga peranggi, mengayau ke rumah jiran bertiti-titian ambok

Ibu-ibu yang banyak anak tak silu berkemban tanpa baju

Sigup daun di mulut berisi tembakau kapus-kapus dengan asap

Bibir merah seperti bicus kerana

Sirih berisi gambar dan kapor yang dipapak

Dari muda menjadi tua adalah peredaran hidup pasti dilalui

Senja tentu menutup tirainya, hidup di alam gulmat

Kerana dalam kubur tidak ada siang dan malam

Hidup yang terlanjur tanpa amal ibadat

Ibarat kain kumuh dan lusuh yang boleh dicarik dan

dipanggang-payang

Harapan untuk ke syurga tidak semudah seperti mimpi

Hanya dipinta dan dipohon sebanyak RAHMAT-NYA

Untuk diper mudah bertiti di titian selebar rambut

Dibelah tujuh.

Karya  
Hj. M.noor@Sagap

جایتن فرانخون ایکونومی دان مکاتیسند  
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
JABATAN HAL Ehwal Pengguna  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

## NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

### Fikir sebelum beli

"boleh pecaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

### Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- Dapatkan resit rasmi.
- Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna



## Perkembangan sukan 'pickleball' positif, memberangsangkan

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman  
Foto : Ihsan Layla Abdullah, BPGSC Community

**PICKLEBALL** merupakan sukan yang menggabungkan unsur-unsur daripada tenis, badminton dan pingpong dan semakin popular di seluruh dunia. Sukan ini dimainkan dengan menggunakan raket kecil dan bola plastik berlubang.

Pickleball muncul sekitar tahun 1965 di Seattle, Washington dan sukan ini dicipta sebagai cara untuk melibatkan anak-anak mereka dalam aktiviti fizikal yang menyeronokkan, meskipun peralatan yang ada pada masa itu terbatas.

Sukan yang semakin berkembang ini sangat sesuai untuk semua peringkat umur dan ia sering dianggap sebagai sukan yang lebih mudah dipelajari dan dimainkan berbanding tenis atau badminton kerana peraturan yang lebih sederhana dan padang yang lebih kecil.

Dari segi peraturannya pula, pickleball boleh dimainkan dalam format perseorangan atau *single*

atau berpasukan atau *double*.

Asas permainan pickleball yang perlu diketahui adalah mengenai ukuran gelanggangnya yang lebih kecil berbanding dengan gelanggang tenis iaitu berukuran 20 kaki lebar dan 44 kaki panjang dengan jaring yang berketinggian 36 inci di kedua-dua belah dan berukuran 34 inci di tengah.

Sementara itu, peralatan yang digunakan untuk bermain di sukan ini ialah raket yang lebih kecil berbanding raket tenis dan biasanya diperbuat daripada bahan ringan seperti kayu, komposit atau karbon. Manakala bola pickleball adalah bola plastik yang berlubang, biasanya 26 - 40 lubang, yang direka untuk bergerak lebih perlahan daripada bola tenis dan ia memberikan bunyi khas apabila dipukul.

Bagi pengiraan mata atau skor, sukan ini biasanya dimainkan dengan format 11, 15 atau 21 mata dan pemain atau pasukan mesti

menang dengan kelebihan dua mata. Hanya pasukan yang melakukan servis yang boleh mendapat mata. Jika pasukan gagal membuat servis yang sah atau bola keluar, giliran servis akan bertukar.

Dengan tatacara dan permainan yang mudah ini membuatkan sukan ini semakin diminati terutama sekali di Negara Brunei Darussalam (NBD). Sukan ini mudah dipelajari dan peraturannya yang senang untuk difahami. Sukan ini juga sesuai dengan semua peringkat umur termasuk kanak-kanak dan kurang berisiko untuk mendapat kecederaan kerana sukan ini berintensiti lebih rendah berbanding tenis.

Pelita Brunei berkesempatan menemu bual pengasas sukan pickleball di NBD, Layla Abdullah yang mula berkecimpung dalam sukan ini sejak Januari 2023, di mana beliau merupakan seorang jurulatih bertauliah International Pickleball Teaching Professional Association (IPTPA) Level 1, Pickleball England Certified Pickleball Leader dan juga Pickleball Scotland Certified Pickleball Ambassador.

Menurut beliau, perkembangan pickleball di negara ini sangat positif dan beberapa perlawanan persahabatan telah dianjurkan antara pasukan dari Miri dan Sibu. Sementara itu, sebanyak 12 kelab pickleball yang telah berdaftar dengan Pickleball Brunei Darussalam pada masa ini dan beliau berharap untuk menubuhkan lebih banyak kelab mewakili daripada keempat-empat daerah.

Daripada segi pencapaian, NBD pernah menyertai Pickleball England English Open 2024 yang disertai oleh 45 negara yang lain. Pencapaian lain yang dapat diketengahkan ialah Pickleball Brunei Darussalam telah menjadi Ahli Dynamic Universal Pickleball Rating (DUPR) pada 21 Jun 2024 dan kini terdapat 149 ahli di dalamnya. DUPR adalah sistem penilaian global untuk pemain pickleball daripada semua

peringkat. Ia mengukur tahap kemahiran pemain berdasarkan keputusan perlawanan mereka. Ia direka bentuk untuk tepat dan inklusif, menilai pemain pada skala yang sama tanpa mengira umur, jantina, lokasi atau kemahiran mereka.

Beliau juga telah menganjurkan beberapa perlawanan persahabatan yang terdiri daripada 32 peserta antara pemain Brunei dan Miri yang diadakan di Kelab Rekreasi Liang Lumut (LLRC) pada 20 Julai 2024 dan perlawanan persahabatan antara pemain dari Sibu dan Kelab Pickleball Brunei Pioneers di DAR Takaful pada November tahun lalu.

Sebagai Jurulatih Bertauliah IPTPA Level 1, beliau juga memberikan khidmat bimbingan secara percuma kepada mereka yang berminat untuk bermain sukan ini dan juga menyediakan penggunaan peralatan sukan pickleball secara percuma.

Meskipun gelanggang khusus untuk sukan ini sangat terhad dan perlu menggunakan gelanggang sukan lain seperti badminton atau tenis namun penglibatan orang ramai terhadap sukan ini menunjukkan perkembangan positif dan memberangsangkan. Oleh itu, beliau berharap lebih banyak gelanggang untuk sukan ini agar kelab-kelab pickleball di negara ini dapat menjalani latihan atau mengadakan perlawanan persahabatan sekali gus mengembangkan lagi sukan ini.

Mengenai perancangan sukan pickleball untuk ke depannya, lebih ramai lagi tampil menyertai sukan ini dan seterusnya berharap untuk menjadikan sukan ini popular di NBD dan pada masa yang sama mempromosikan gaya hidup yang sihat.

Beliau juga berharap untuk memperkenalkan sukan ini ke peringkat sekolah dan institusi pengajaran tinggi di negara ini bagi melahirkan pemain-pemain daripada akar umbi dan dapat menubuhkan sebuah pasukan kebangsaan yang akan bersaing di kejohanan antarabangsa nanti.





ePaper Pelita Brunei



# KEJOHANAN BOLA JARING SEMPENA HPA KE-31 BUKA TIRAI

**BERAKAS**, Jumaat, 10 Januari. - Kejohanan Bola Jaring antara Kementerian-kementerian sempena Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Ke-31, Tahun 2025 anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan dengan kerjasama Persatuan Bola Jaring Kebangsaan Negara Brunei Darussalam membuka tirainya hari ini bertempat di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Kejohanan tersebut disertai oleh 10 kementerian terdiri dari Jabatan Perdana Menteri (JPM), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Kementerian Pertahanan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Kementerian Pendidikan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Kementerian Pembangunan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Dua kategori dipertandingkan dalam kejohanan tersebut iaitu Kategori Terbuka dan Kategori Veteran. Kategori Terbuka disertai oleh 10 pasukan iaitu JPM, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Kementerian Pertahanan, KHEDN, Kementerian Pendidikan, KSSUP, Kementerian Pembangunan, Kementerian Kesihatan, KHEU dan Kementerian

Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Manakala Kategori Veteran disertai oleh empat pasukan iaitu KHEDN, Kementerian Pembangunan, Kementerian Kesihatan dan KHEU.

Perlawanan pembukaan kejohanan menyaksikan pertemuan antara KHEU dan KSSUP di Gelanggang 1.

Manakala perlawanan antara Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan Kementerian Pendidikan di Gelanggang 2.

Antara lain tujuan kejohanan diadakan adalah sebagai projek pembangunan sukan bola jaring jangka masa panjang dan berterusan, di samping meningkatkan usaha sama dan persefahaman dalam kalangan pegawai-pegawai di bawah kementerian masing-masing dalam memajukan dan meningkatkan mutu sukan bola jaring di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Kejohanan juga dapat menyiapkan pemain-pemain untuk membiasakan diri dengan suasana perlawanan bola jaring yang standard serta memberikan galakan dan dorongan kepada semua lapisan masyarakat di negara ini supaya bergiat aktif dalam aktiviti sukan bola jaring di samping menarik minat dan memberikan keyakinan (*self-confident*) pemain-pemain.

Penyertaan kejohanan dibukakan kepada



ANTARA aksi pasukan yang bertanding pada Kejohanan Bola Jaring antara Kementerian-kementerian sempena Hari Perkhidmatan Awam, Ke-31, Tahun 2025.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

semua pegawai dan kakitangan di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan NBD.

Kejohanan seterusnya akan berlangsung pada 17 dan 24 Januari 2025 pada sebelah

pagi dan petang.

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk hadir menyaksikan kejohanan ini bagi sama-sama memeriahkan dan memberi sokongan kepada pasukan yang bertanding.

## Hars Elitekekalkan kedudukan di puncak BPFL



ANTARA aksi perlawanan di antara Pasukan Hars Elite dan Pasukan Syahkampong pada Liga Premier Futsal Brunei (Brunei Premier Futsal League - BPFL) yang berlangsung di Dewan Serbaguna Universiti Brunei Darussalam.

Berita dan Foto : Ihsan Yakin Football League

**TUNGKU LINK**, Rabu, 8 Januari. - Pasukan Hars Elite terus mengukuhkan kedudukan teratas Liga Premier Futsal Brunei (Brunei Premier Futsal League - BPFL) 2024-2025 di sebalik menerima saingan mantap daripada Pasukan

Syahkampong 3 - 2 di Dewan Serbaguna Universiti Brunei Darussalam (UBD).

"Kami bersyukur mengekalkan rekod tanpa kalah sekalipun beraksi tanpa beberapa pemain tonggak utama yang masih

dibelenggu kecederaan dan digantung perlawanan. Kami memuji semangat pemain gantian yang berjaya memikul tugas dengan berkesan," jelas Pengurus Am Hars Elite, Harith Irsyadi Harun.

Beliau mengakui anak buahnya tidak mempamerkan permainan yang sebenar sehingga pihak lawan berjaya menggunakan peluang-peluang aksi longgar itu untuk mencipta jaringan ke gawang Pasukan Hars Elite.

Md. Farid lebih awal memberikan Pasukan Syahkampong kelebihan jaringan apabila bijak menyempurnakan sentuhan gol pada minit ke-8 tetapi keceriaan Pasukan Syahkampong tersekut apabila Mohd. Izzan pula berjaya menyamakan kedudukan pada minit yang sama.

Ledakan kencang pemain tinggi lampai pada minit ke-14 berjaya merobek gawang Syahkampong untuk mendahului jaringan 2-1.

Perlawanan babak kedua menyaksikan aksi seimbang kedua-dua buah pasukan tetapi Hars Elite lebih lega apabila Mohd.

Izzan sekali lagi mempamerkan kecemerlangan menerusi ledakan menarik yang memperdayakan penjaga gol Syahkampong pada minit ke-28.

Pasukan Syahkampong yang berusaha merapatkan kedudukan bagaimanapun terpaksa menunggu pada minit ke-36 menerusi Awangku Hadi namun jaringan itu tidak mampu menyuntik

semangat rakan untuk menambah jaringan sehingga keputusan kekal memihak kepada Pasukan Hars Elite dengan 3-2.

Dengan kemenangan itu, Pasukan Hars Elite berjaya mengutip 9 mata selepas mengekalkan rekod tanpa kalah dalam tiga perlawanan sambil Pasukan PES berada di tangga kedua dengan 6 mata.

## Tahukah Awda

**P**EAKSANAAN Pengintegrasian Mata Pelajaran Ugama ke dalam Sistem Pendidikan Umum bermula pada Rabu, 17 Rabuulahir 1445 Hijrah / 1 November 2023 Masihi. Melalui pengintegrasian ini, mata-mata pelajaran yang lazimnya diajarkan di sekolah-sekolah ugama akan diserapkan ke dalam kurikulum pendidikan umum di sekolah-sekolah rendah kerajaan dan swasta. Pengintegrasian ini hanya akan melibatkan pelajar-pelajar yang sedang menutut pada peringkat Pra sehingga Darjah III ugama yang mana waktu persekolahan bermula jam 7.30 pagi hingga 12.00 tengah hari dan 1.30 petang hingga 3.00 petang.

SUMBER : [www.moe.gov.bn](http://www.moe.gov.bn)

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

BIJAK BERBELANJA, ELAKKAN PEMBAZIRAN